

Journal of Islamic Educational Research (JIER)
e-ISSN: 0128-2069

Interrelasi Pengetahuan, Sikap dan Penglibatan Pelajar IPT terhadap Pembelajaran Jawi: Suatu Tinjauan
Konseptual Berasaskan Model KAP

Interrelating Knowledge, Attitudes, and Involvement of Higher Education Students in Jawi Learning: A
Conceptual Review Based on the KAP Model

Nik Sofwatul Izzah Ishak*, Asyraf Isyraqi Jamil**, Mohd Roslan Mohd Nor*** & Muhamad Nasir Mohamad
Salleh****

Article Information	ABSTRACT
<i>Received:</i> 05.12.2025	Kedatangan Islam telah membawa perubahan besar bukan sahaja dalam aspek akidah dan sosio-budaya, malah turut memperkenalkan Jawi yang kemudiannya menjadi asas penting dalam pembentukan tradisi persuratan Melayu. Namun begitu, kajian yang mengintegrasikan hubungan antara pengetahuan, sikap dan penglibatan pelajar institusi pengajian tinggi (IPT) terhadap Jawi tidak begitu meluas, apatah lagi yang berteraskan teori KAP. Justeru, kajian ini bertujuan untuk menganalisis kajian terdahulu berkaitan tahap pengetahuan, sikap, dan penglibatan pelajar IPT terhadap Jawi dengan berpandukan teori KAP (<i>Knowledge, Attitude, and Practice</i>). Artikel ini merupakan <i>literature-based conceptual review</i> yang menggunakan pendekatan kualitatif melalui analisis dokumen. Hasil kajian mendapati penguasaan pengetahuan pelajar IPT terhadap Jawi masih berada pada tahap yang sederhana. Walau bagaimanapun, dapatan terhadap sikap menunjukkan respon yang positif mengenai kepentingan Jawi sebagai identiti budaya dan warisan keilmuan Islam. Sikap ini telah mendorong penglibatan aktif dalam aktiviti luar kelas seperti penyertaan kelab Jawi. Kajian ini membuktikan bahawa wujud hubungan yang signifikan antara pengetahuan, sikap dan penglibatan pelajar terhadap Jawi sebagaimana yang dirumuskan dalam kerangka KAP. Oleh itu, kajian mencadangkan agar kursus Jawi ditawarkan secara meluas dan berstruktur di peringkat IPT serta diperkuatkan melalui aktiviti ko-kurikulum.
<i>Accepted:</i> 14.12.2025	
Keywords: Jawi, Pengetahuan, Sikap, Penglibatan, Institusi Pengajian Tinggi, Teori KAP	
The arrival of Islam brought significant changes not only in terms of faith and socio-cultural aspects but also introduced Jawi, which later became an important foundation in the formation of Malay literary traditions. However, studies integrating the relationship between knowledge, attitudes, and involvement of higher education students towards Jawi are not very extensive, especially those based on the KAP theory. Therefore, this study aims to systematically analyze previous studies related to the level of knowledge, attitudes, and involvement of higher education institution (HEI) students towards Jawi, based on the KAP (Knowledge, Attitude, and Practice) theory. This article is a literature-based conceptual review using a qualitative approach through document analysis. The study found that the level of knowledge of university students regarding Jawi is still moderate. However, the findings regarding attitudes show a positive response regarding the importance of Jawi as a cultural identity and Islamic scholarly heritage. This attitude has encouraged active participation in extracurricular activities such as joining the Jawi club. This study proves that there is a significant relationship between students' knowledge, attitudes, and involvement towards Jawi, as summarized in the KAP framework. Therefore, the study suggests that Jawi courses be offered widely and structurally at higher education institutions and strengthened through co-curricular activities.	
Keywords: Jawi, Knowledge, Attitude, Involvement, Higher Education Institutions, KAP Theory	

Citation Information: Ishak, N. S. I., Jamil, A. I., Mohd Nor, M. R., & Mohamad Salleh, M. N. (2025). Interrelasi pengetahuan, sikap dan penglibatan pelajar IPT terhadap pembelajaran jawi: suatu tinjauan konseptual berasaskan Model KAP. *Journal of Islamic Educational Research (JIER)*, 11(2), 71-87.

* Calon PhD Jabatan Sejarah, Tamadun dan Pendidikan Islam, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, E-mel: sofwaizzah@gmail.com

** Pensyarah Kanan di Jabatan Sejarah, Tamadun dan Pendidikan Islam, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, E-mel: isyraqi@um.edu.my

*** Pensyarah Kanan di Jabatan Sejarah, Tamadun dan Pendidikan Islam, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, E-mel: m_roslan@um.edu.my

**** Pensyarah Kanan di Jabatan Sejarah, Tamadun dan Pendidikan Islam, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, E-mel: nasir1990@um.edu.my

1.0. PENGENALAN

Jawi mempunyai hubungan yang signifikan dengan kedatangan Islam ke Kepulauan Melayu. Para sejarawan telah menentengahkan pelbagai teori tentang kedatangan Islam ke rantau ini iaitu teori dari China, teori dari India dan teori dari Semenanjung Tanah Arab (Mohd Aizam Mas'od & Mohd Shairawi Mohd Noor, 2023; Khairul Azhar, 2019; Mahayudin Yahaya, 2017; Mahayudin Yahaya, 1998). Walau bagaimanapun, sejarawan masih belum mencapai kata sepakat tentang tarikh sebenar kedatangan agama Islam ke gugusan Kepulauan Melayu (Mahayudin Yahaya, 1995; Raihanah Azahari, 2004). Terdapat pendapat cenderung mengemukakan bahawa Islam tiba di Kepulauan Melayu seawal abad ke-7 M, sementara yang lain berpendapat pada abad ke-8 M atau ke-9 M. Bahkan, ada juga yang meyakini bahawa Islam dibawa masuk pada abad ke-13 M (Azam Hamzah, 1997; Mahayudin Yahaya, 1995).

Kedatangan Islam bukan sahaja membawa perubahan dari sudut akidah dan sosio-budaya, malah turut memperkenalkan Jawi yang kemudiannya menjadi asas penting dalam pembentukan tradisi persuratan Melayu. Justeru itu, aktiviti persuratan Melayu dalam kalangan masyarakat Melayu mula berkembang secara signifikan dan digunakan secara meluas seiring dengan penyebaran Islam (Syed Muhammad Naquib al-Attas, 1972). Antara bukti awal kewujudan Jawi dapat dikenal pasti adalah melalui penemuan Batu Bersurat Terengganu yang bertarikh 22 Februari 1303 Masihi (Syed Muhammad Naquib al-Attas, 1970). Prasasti ini dianggap sebagai dokumen bertulis yang terawal dalam Jawi dan menjadi sumber penting dalam mengetahui pelaksanaan undang-undang Islam yang dalam institusi Melayu tradisi pada zaman silam dan merupakan karya perundangan pertama yang dihasilkan oleh masyarakat Melayu Islam sendiri (Abdul Kadir Muhammad, 1996). Kendatipun tidak disertakan titik bagi membezakan antara huruf-huruf Jawi ini, catatan tersebut masih dapat difahami dan ditafsir dengan bersandarkan kepada struktur bahasa dan rumah-rumah huruf yang digunakan dalam konteks linguistik ketika itu (Adi Yasran Abdul Aziz, 2012). Seiring dengan itu, usaha membaca bentuk Jawi seperti pada Batu Bersurat Terengganu merupakan antara inisiatif Akademi Jawi Malaysia (AJM) dalam mengangkat nilai warisan budaya Melayu-Islam. Dalam konteks tersebut, Jawi yang dikenali pada era itu disebut sebagai Jawi tradisi kerana bentuk Jawi ketika itu adalah Jawi sebagai suatu bahasa yang memiliki kerangka tradisi keilmuan bersalasilah daripada Bahasa Arab (Kang Kyoung Seok & Muhammad Syukri Rosli, 2015; Muhammad Syukri Rosli, 2017; Muhammad Syukri Rosli & Ahnaf Wafi Alias, 2022).

Malah, jika ditelusuri persuratan Melayu sekitar abad ke-16 dan 17 Masihi, konsep pada Jawi ini sebenarnya bukan sahaja pada tulisan semata-mata, malah merujuk kepada bahasa. Menariknya, istilah “Bahasa Jawi” banyak digunakan berbanding istilah “Bahasa Melayu” (Muhammad Syukri Rosli & Ahnaf Wafi Alias, 2002). Contohnya, kitab *al-Sirat al-Mustaqim* dan *Durr al-Thamin* telah membuktikan bahawa istilah “Bahasa Jawi” telah digunakan secara meluas oleh ulama terdahulu, sebagai bentuk terjemahan atau pemindahan skrip daripada teks bahasa Arab kepada bahasa yang difahami oleh orang-orang yang tidak memahami bahasa Arab (Muhammad Syukri Rosli & Ahnaf Wafi Alias, 2022; Mulaika Hijjas, 2022). Kebanyakan karya-karya Melayu-Islam terdahulu telah menggunakan istilah “Bahasa Jawi” bagi menamakan bahasa yang digunakan ketika itu iaitu bahasa Melayu bertulisan Arab yang disesuaikan serta difahami oleh orang Melayu (Muhammad Syukri Rosli & Ahnaf Wafi Alias, 2022). Justeru itu, pemaknaan pada Jawi dalam konteks kajian ini tidak hanya memfokuskan kepada ilmu tulisan dan ejaan Jawi sahaja, tetapi juga merangkumi spektrum ilmu Jawi lain seperti ilmu tanggaman, ilmu jalan bahasa Jawi, ilmu mengarang shair-pantun dan sejarah serta falsafah Jawi secara bersepadu (Muhammad Syukri Rosli & Muhammad Amir Asyraf Rosdin, 2023). Pemetaan ilmu ini merujuk kepada Ahmad Ya'qub al-Johori (Muhammad Syukri Rosli & Ahnaf Wafi Alias, 2022) yang dikembangkan daripada kerangka keilmuan Bahasa Jawi oleh Raja Ali Haji.

Menelusuri pendidikan Jawi masa kini, pengkaji mendapati tidak semua institusi pengajian tinggi (IPT) menyediakan kursus Jawi bagi meneruskan pengetahuan Jawi yang lebih meluas. Bahkan, setakat pencarian penulis tidak banyak pengkaji yang menghimpunkan konstruk pengetahuan, sikap dan penglibatan pelajar terhadap Jawi terutamanya di peringkat IPT, melainkan kajian Muhammad Zakur Ashar dan Aminnudin Saimon (2025), Aminnudin Saimon dan Nur Hidayah Takmad (2023), Noorain Syahirah Mohd Pazli dan Aminnudin Saimon (2022), Zurina Abdullah dan Adi Yasran Abdul Aziz (2020), Noraziah Mohd Amin dan Noor Azam Abdul Rahman (2019), Noraziah Mohd Amin, Noor Azam Abdul Rahman, Wan Noorli Razali dan Mohd Faisal Abdul Wahab (2018), Noraziah Mohd Amin, Noor Azam Abdul Rahman dan Wan Noorli Razali (2018), Nor Aziah Abd. Kadir, Khalid Mat Pardi dan Nurul Afzan Najid (2015), Siti Badriyah Haji Mohamad Yusof dan Exzayrani Sulaiman (2015) serta Faisal @ Ahmad Faisal dan Noralina Abdullah (2009). Selain itu juga, tidak ada lagi mana-mana pengkaji lepas yang mengkaji konstruk pengetahuan, sikap dan penglibatan pelajar IPT terhadap Jawi, yang berpaksikan kepada model KAP.

Sehubungan dengan itu, kajian ini dijalankan untuk mencapai objektif utama seperti:

- i. Mengenalpasti tahap pengetahuan, sikap dan penglibatan pelajar institusi pengajian tinggi (IPT) dalam kajian Jawi sedia ada.
- ii. Menganalisis interrelasi antara pengetahuan, sikap, dan penglibatan pelajar institusi pengajian tinggi (IPT) terhadap pembelajaran Jawi berpandukan teori KAP (*Knowledge, Attitude, and Practice*).

2.0. JAWI DALAM PENDIDIKAN FORMAL

Dalam menghadapi arus kemodenan ini, Jawi yang merupakan lambang keistimewaan Melayu kini penggunaannya semakin terhakis sedikit demi sedikit dalam kalangan masyarakat Melayu (Azman Che Mat, & Azhar Muhammad, 2012; Siti Nurul Izza Hashim et al., 2021; Mohd Zawawi Zainal Abidin & Norahida Mohamed, 2024; Zurina Abdullah & Adi Yasran, 2020). Situasi ini bersangkut-paut dengan pengisytiharan Rumi sebagai tulisan rasmi Bahasa Melayu seperti mana yang termaktub dalam Akta Bahasa Kebangsaan 1963/67 (Hashim Musa & Adi Yasran Abdul Aziz, 2009; Faisal @ Ahmad Faisal Abdul Hamid and Niswa @ Noralina Abdullah, 2009; Mohd Alwee Yusoff, 2005; Hamdan Abdul Rahman, 2014). Oleh hal yang demikian, pengisytiharan tersebut memberi implikasi yang besar terhadap penggunaan Jawi di negara ini sehingga menyebabkan sebahagian besar generasi muda kurang mahir dalam membaca dan menulis Jawi (Noraishah A. Rahman & Mohd Isa Hamzah, 2021; Asyraf Ridwan Ali & Berhanundin Abdullah, 2015; Hashim Musa & Adi Yasran Abdul Aziz, 2009; Nik Rosila Nik Yaacob, 2007; Awang Mohamad Amin, 1989).

Ketika Kemerdekaan pada 1957, Perkara 152, Perlembagaan Malaysia telah mengisytiharkan Bahasa Melayu sebagai Bahasa Kebangsaan (Pesuruhjaya Penyemak Undang-Undang, 2020) dan status Jawi dan tulisan Rumi telah diwartakan dalam Seksyen 9 (Tulisan bagi bahasa kebangsaan) Akta Bahasa Kebangsaan 1963/67, dalam Undang-Undang Malaysia Cetakan Semula (2006) iaitu tulisan Rumi merupakan tulisan rasmi Bahasa Melayu bagi urusan rasmi kerajaan termasuk sektor pendidikan. Walaupun begitu, penggunaan Jawi tetap sah dari segi undang-undang (Akta Bahasa Kebangsaan 1963/67, 1983). Situasi ini memperlihatkan bahawa keistimewaan Rumi sebagai tulisan rasmi negara telah memberi kesan kepada Jawi sehingga penggunaannya semakin terhad dalam ruang lingkup keagamaan semata-mata. Hal ini tidak dapat dipisahkan daripada sejarah asal-usul Jawi yang berakar daripada kedatangan Islam dan pengaruh Arab di Kepulauan Melayu. Akibatnya, Jawi kini lebih dikenali melalui subjek Pendidikan Islam (Mohd Mazhan Tamyis, Zahari Suppian & Nor Hasnida Che Md. Ghazali, 2021) dan sering dianggap eksklusif kepada bidang keagamaan.

Sedar akan kepentingan Jawi, Kementerian Pendidikan Malaysia terus komited dalam memperkasa penguasaannya terutama dalam kalangan muda sebagai pewaris celik Jawi di masa hadapan. Sehubungan dengan itu, pada tahun 1985, pihak kerajaan telah mengambil inisiatif awal dengan memperuntukkan waktu khusus pengajaran Jawi dan mewajibkan Jawi itu diajar di sekolah rendah agama bermula di peringkat darjah tiga (Norhazliana Mohd Hassan Abdullah, Saedah Siraj, Zaharah Hussin & Norlidah Alias, 2010). Usaha ini diteruskan pada tahun 1992, apabila Kementerian Pendidikan Malaysia telah memasukkan elemen pelajaran Jawi dalam Kurikulum Bersepadu Sekolah Rendah (KBSR) dengan menekankan kemahiran membaca dan menulis Jawi, namun menurut Hashim Musa Jawi hanya diajar dalam subjek Pendidikan Islam sahaja (Faisal @ Ahmad Faisal Abdul Hamid & Niswa @ Noralina Abdullah, 2009). Lebih signifikan, pada tahun berikutnya, kerajaan memperkenalkan program Jawi-Al-Quran, Bahasa Arab dan Fardu Ain (j-Qaf) dengan objektif utamanya adalah untuk meningkatkan penguasaan Jawi dalam kalangan murid sekolah rendah (Faisal @ Ahmad Faisal Abdul Hamid & Niswa @ Noralina Abdullah, 2009; Hashim Musa & Adi Yasran Abdul Aziz, 2004). Mengikut surat pekeliling J-Qaf dari Kementerian Pendidikan Malaysia (2004), program j-Qaf akan mula dilaksanakan pada tahun 2005 yang akan melibatkan pelajar darjah satu di sekolah-sekolah rendah yang terpilih dan akan diikuti oleh sekolah-sekolah rendah lain secara berperingkat (Kementerian Pelajaran Malaysia, 2004, 2012).

Komitmen KPM dalam memperkasakan Jawi turut diperlihatkan dalam *Panduan Pengurusan Mata Pelajaran Pendidikan Islam Sekolah Rendah dan Sekolah Menengah* yang diterbitkan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia menegaskan bahawa:

“Kemahiran bahasa yang dibangunkan melalui mata pelajaran Pendidikan Islam adalah selaras dengan matlamat utama Pendidikan Islam, iaitu untuk membolehkan murid membaca dan menulis ayat atau teks menggunakan tulisan khat Jawi serta memupuk kecintaan terhadap Jawi sebagai warisan budaya” (Kementerian Pendidikan Malaysia (2015) dalam *Panduan Pengurusan Mata Pelajaran Pendidikan Islam Sekolah Rendah Dan Sekolah Menengah*)

Justeru, kesinambungan usaha ini dipaparkan menerusi sejarah pembangunan kurikulum di peringkat menengah. Pengenalan Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah (KBSM) pada tahun 1989 merupakan hasil pelaksanaan syor yang dikemukakan dalam Laporan Jawatankuasa Kabinet 1979 Mengenai Pendidikan (Nadia Fitriyana Ahmad Narzaray, & Ahmad Kamal Ariffin Mohd Rus, 2024). KBSM kemudiannya digantikan oleh Kurikulum Standard Sekolah Menengah (KSSM) secara berperingkat mulai tahun 2017 (Sariah Abd Jalil, 2016a) Analisis terhadap *Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran (DSKP)* bagi KSSM Tingkatan 1 hingga 3 (2015) menunjukkan bahawa terdapat objektif yang jelas dalam kurikulum tersebut, iaitu untuk membolehkan murid membaca dan menulis dalam tulisan Jawi sebagai sebahagian daripada usaha memelihara Jawi sebagai warisan budaya negara (Sariah Abd Jalil, 2016a, 2016b; Sariah Abd Jalil, 2017). Namun begitu, DSKP bagi Tingkatan 4 dan 5 (2018) tidak lagi menyatakan objektif ini, sekali gus menunjukkan berlakunya peralihan fokus terhadap kedudukan tulisan Jawi dalam kurikulum peringkat menengah atas (Sariah Abd Jalil, 2018). Ketiadaan objektif ini bukan sekadar perubahan teknikal, tetapi membawa implikasi dasar yang signifikan. Apabila Jawi tidak lagi ditetapkan sebagai objektif dalam kurikulum Pendidikan Islam, maka ruang pendedahan pelajar terhadapnya berkurang. Hal ini berpotensi menjejaskan kesinambungan kemahiran membaca dan menulis Jawi yang dibina di sekolah. Dalam jangka panjang, pengurangan penekanan ini boleh menyumbang kepada kemerosotan kefahaman Jawi, penghargaan, dan komitmen pelajar terhadap pemeliharaan Jawi sebagai sebahagian daripada tradisi intelektual dan budaya

Melayu-Islam. Lebih membimbangkan, kelemahan di peringkat menengah atas turut memberi kesan langsung kepada tahap penguasaan pelajar apabila melanjutkan pengajian di IPT, kerana IPT sukar berfungsi sebagai ruang penyambung kompetensi Jawi sebagaimana pada zaman sebelum kolonial. Walau bagaimanapun, Kementerian Pendidikan Malaysia telah bersungguh-sungguh memperkasakan Jawi dengan menekankan pembelajaran Jawi bermula dari peringkat sekolah rendah lagi.

Menelusuri hakikat jawi di peringkat IPT pula, pembudayaan dan pengamalan Jawi tidak begitu meluas di peringkat IPT (Zurina Abdullah & Adi Yasran Abdul Aziz, 2020). Pengkaji lepas telah menjalankan penelitian terhadap kedudukan pengajaran Jawi di IPT tempatan seperti Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI), Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Universiti Malaya (UM), Universiti Putra Malaysia (UPM) dan Universiti Sains Malaysia (USM). Dapatan kajian menunjukkan, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) dan Universiti Sains Malaysia (USM) tidak menawarkan sebarang kursus yang menjurus kepada pengajaran Jawi (Makmur Haji Harun et al., 2012). Namun begitu, berdasarkan buku Panduan Pascasiswazah 2024/2025 Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan UKM, manuskrip-manuskrip Melayu lama dan kitab Jawi seperti Kitab Tib dijadikan sebagai bacaan asas untuk Kursus SKMM2053 Kajian Manuskrip Melayu (Universiti Kebangsaan Malaysia, 2024). Begitu juga, *Panduan Siswazah Sesi Akademik 2024-2025 Fakulti Pengajian Islam*, menggunakan buku *Jawi dan Kajian Manuskrip Melayu* oleh Makmur harun, Firman dan Muhammad Yafri Yahya (2016) sebagai rujukan bagi kursus PPPC6533 Penyuntingan Manuskrip Melayu dan Arab (Universiti Kebangsaan Malaysia, 2024) Seterusnya, penglibatan Jawi di USM dapat dilihat dengan aktiviti penyelidikan melalui bidang Pengajian Tamadun (kod HUM11) yang merangkumi pengkhususan Pengajian Manuskrip Melayu-jawi, tamadun Islam, Pendidikan Islam, Pemikiran Islam, Kajian Ketamadunan dan Kajian Kebudayaan disediakan (Universiti Sains Malaysia, 2025). Meskipun, elemen pembelajaran Jawi tidak diperincikan secara eksplisit dalam struktur kursus, pengkhususan-pengkhususan ini secara tidak langsung berkait rapat dengan Jawi dan ini kerana Jawi memainkan peranan utama dalam tamadun Melayu-Islam.

Di Universiti Malaya (UM) pula, Jabatan Kesusasteraan Melayu, Akademi Pengajian Melayu (APM) hanyalah menawarkan kursus Kajian Tulisan Jawi dalam teks sastera (Makmur Haji Harun et al., 2012). Selain itu, semakan proforma pada buku Panduan Ijazah Dasar di APM bagi sesi 2024/ 2025 turut membuktikan bahawa terdapat kursus lain yang melibatkan pengajaran dan pembelajaran Jawi iaitu “Sistem Ejaan Jawi” bagi pelajar sarjana muda Bahasa Melayu Profesional. Sementara itu, Jabatan Sejarah dan Tamadun Islam, di Akademi Pengajian Islam (API) hanya menawarkan kursus yang menyentuh Jawi secara tidak langsung melalui subjek berbentuk teori berkaitan seni Islam teori (Makmur Haji Harun et al., 2012). Manakala di UPM, terdapat kursus Jawi diajar melalui subjek Sistem Tulisan Jawi yang disediakan oleh Jabatan Bahasa Melayu, Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi (FBMK), sebagaimana disahkan oleh timbalan dekan fakulti tersebut pada tahun 2025. Di Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) pula, komitmen terhadap pengajaran Jawi terserlah melalui kewujudan kuliah “Warisan Jawi”, program minor Pengajian Jawi di Fakulti Bahasa dan Komunikasi (FBK) serta kursus “Tulisan Jawi” turut dibuka kepada pelajar luar dari Fakulti Bahasa dan Komunikasi (Makmur Haji Harun et al., 2012).

Walaupun terdapat IPT yang menawarkan kursus Jawi, peluang untuk memperluaskan dan memperkukuh peranannya masih terbuka luas, potensi ini dapat direalisasikan melalui pembentukan kerangka atau garis panduan yang mampu memastikan kesinambungan pendidikan Jawi di semua peringkat. Setiap program di IPT sememangnya mempunyai reka bentuk kurikulumnya tersendiri, dibangunkan oleh panel pakar terpilih mengikut matlamat program masing-masing (Tengku Sarina Aini Tengku Kasim & Fatima Sahida Abdurajak, 2018). Oleh itu, dengan adanya dasar yang menghubungkan pendidikan rendah, menengah dan tinggi, Jawi berpeluang untuk terus dilihat relevan serta berdaya saing dengan prospek kerjaya dan pembangunan ilmu di masa hadapan.

3.0. METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini menggunakan pendekatan kajian kualitatif melalui analisis dokumen, yang bersumberkan kajian-kajian sedia ada sebagai kaedah pengumpulan data bagi mencapai objektif kajian. Kajian ini memberi tumpuan kepada kajian ulasan konseptual yang dibangunkan berasaskan sorotan literatur sedia ada (*literature-based conceptual review*). Pendekatan kajian kualitatif membantu pengkaji untuk mendapatkan kefahaman mendalam tentang fenomena yang dikaji (Creswell, 2009; Merriam, 2009), di samping menyediakan perspektif yang kaya dan terperinci (Creswell, 2009).

Analisis dokumen merupakan analisis kandungan bertulis atau visual yang berbentuk dokumen (Fraenkel & Wallen, 1993). Menurut Ghazali Darusalam dan Sufean Hussin (2021), dokumen itu boleh dikategorikan kepada empat jenis:

- i. Dokumen peribadi (sumber individu seperti surat, diari, autobiografi, gambar dan barang-barang milik peribadi).
- ii. Dokumen rasmi (kementerian dan agensi seperti rasmi, enrolmen, laporan tahunan dan penyata-penyata rasmi).
- iii. Dokumen tidak rasmi (jurnal, bahan-bahan pengajaran dan pembelajaran, rancangan pengajaran harian, laporan berita, surat khabar, majalah dan rancangan televisyen).
- iv. Dokumen umum yang popular (media cetak dan elektronik seperti laporan berita, majalah dan surat-surat pekeliling awam)

Dalam konteks kajian, dokumen-dokumen yang terlibat adalah dokumen tidak rasmi seperti jurnal akademik, surat khabar dan laporan berita sebagai sumber pengumpulan data. Pemilihan sumber-sumber untuk ulasan ini dibuat berdasarkan kerelevanan langsungnya dengan Jawi, pelajar IPT dan model KAP. Sumber berkaitan dengan pelajar sekolah sama ada sekolah rendah, sekolah menengah dan pra-sekolah tidak termasuk dalam proses pengumpulan dan analisis data. Kemudiannya, data yang diperoleh dianalisis secara tematik dengan mengenal pasti pola dan tema yang berulang dalam literatur, khususnya berkaitan dimensi pengetahuan, sikap dan penglibatan.

4.0. PENGETAHUAN, SIKAP DAN PENGLIBATAN PELAJAR IPT TERHADAP JAWI

Penguasaan Jawi dalam kalangan pelajar dilihat tidak berterusan selepas tamat persekolahan. Hal ini rentetan daripada ketiadaan pembudayaan dan pengamalan Jawi secara meluas apabila melangkah masuk ke peringkat universiti (Zurina Abdullah & Adi Yasran Abdul Aziz, 2020). Tahap pengamalan pelajar terhadap Jawi mempunyai kaitan dengan tahap pengetahuan mereka tentangnya, di mana pengetahuan dilihat sebagai faktor yang mempengaruhi pembentukan sikap dan seterusnya amalan individu (Kaiser et al., 1999). Pengetahuan dalam kajian ini merujuk kepada pengetahuan isi kandungan terhadapnya serta kemahiran penggunaan Jawi.

4.1. Pengetahuan pelajar terhadap Jawi

Kajian terdahulu mendapati hanya 15% sahaja yang mampu menjawab soalan berkenaan sejarah perkembangan Jawi. Dapatan ini menunjukkan aspek pengetahuan pelajar IPT terhadap sejarah perkembangan tulisan Jawi masih berada pada tahap yang rendah (Faisal @ Ahmad Faisal Abdul & Noralina Abdullah, 2009). Pengetahuan individu terhadap Jawi juga berkait secara langsung dengan tahap kemahiran mereka dalam penggunaannya. Berdasarkan rumusan kajian Zurina Abdullah dan Adi Yasran Abdul Aziz, penulis mendapati tahap penguasaan Jawi dalam kalangan pelajar IPT berada pada tahap sederhana dari aspek kemahiran membaca mahupun menulis (Zurina Abdullah & Adi Yasran Abdul Aziz, 2020). Seperti Noorain Syahirah Mohd Pazli dan Aminuddin Saimon (2022), satu kajian dilaksanakan ke atas golongan muda (15 hingga 30 tahun), golongan dewasa pertengahan (31 hingga 64 tahun) dan warga emas (65 tahun ke atas). Kajian mendapati bahawa golongan muda memperoleh tahap nilai skor min yang tinggi bagi kemahiran membaca (nilai min 3.76) dan menulis (nilai min 4.37). Hal ini membuktikan bahawa penguasaan Jawi dalam kalangan pelajar IPT berada pada tahap yang baik. Namun begitu, kajian Nor Aziah Abd. Kadir, Khalid Mat Pardi dan Nurul Afzan Najid (2015) mendapati bahawa penguasaan pelajar dalam kemahiran menulis Jawi masih pada tahap lemah, iaitu dengan dengan purata 77.03% pelajar gagal menyambung huruf-huruf Jawi. Lebih membimbangkan, hasil penelitian kajian menunjukkan purata 67.78% pelajar gagal menukarkan perkataan dalam huruf Rumi kepada Jawi. Hal ini menunjukkan kemahiran pelajar dalam menukar perkataan Rumi kepada Jawi agak lemah. Sementara itu, kemampuan pelajar dalam memilih jawapan bagi soalan aneka pilihan berdasarkan teks Jawi berada pada tahap baik dengan 68.2% (Nor Aziah Abd Kadir, Khalid Mat Pardi & Nurul Afzan Najid, 2015).

Secara keseluruhan, analisis kajian lepas menunjukkan bahawa aspek pengetahuan Jawi terutamanya dari sudut sejarah perkembangan masih sukar dituntaskan. Hal ini berpunca daripada keterbatasan jumlah kajian empirikal yang meneliti dimensi sejarah Jawi secara mendalam, menyebabkan tahap kefahaman pelajar IPT terhadap sejarah Jawi kekal rendah dan tidak menyeluruh. Sebaliknya, aspek kemahiran Jawi, khususnya kemahiran membaca dan menulis, memperlihatkan pola dapatan yang lebih positif, dengan sebahagian besar kajian menunjukkan tahap kemahiran yang memuaskan, meskipun terdapat kelemahan tertentu seperti kesukaran menyambung huruf dan menukar perkataan Rumi ke Jawi. Kesenjangan antara pengetahuan isi kandungan Jawi dan penguasaan kemahiran asas ini mengisyaratkan bahawa pelajar lebih terdedah kepada latihan praktikal berbanding pembudayaan ilmu Jawi secara holistik. Justeru, pengukuhan pengetahuan tentang sejarah, falsafah dan struktur linguistik Jawi wajar diberikan perhatian lebih serius agar kemahiran praktikal pelajar berpaksikan asas pengetahuan yang kukuh dan bersepadu.

4.2. Sikap pelajar terhadap Jawi

Melihat dari dimensi sikap pula, konstruk ini mempunyai hubungan yang signifikan dengan persepsi dan minat. Sikap individu terhadap suatu pembelajaran mampu mengubah persepsi pelajar terhadapnya (Hazwani Ubaidillah, Nor Khayati Basir, & Nur Afifah Saharudin, 2020). Bahkan, sikap ini antara elemen terpenting yang mendorong minat pelajar (Nur Syazwani Abdul Talib, Kamarulzaman Abdul Ghani, & Nur Azuki Yusuff, 2016). Dengan itu, sikap dan minat individu memainkan peranan penting dalam menentukan kesediaan dan pencapaian seseorang (Sakri Yusoff, 2012). Dalam konteks kajian, pelajar IPT memberi persepsi yang positif dalam usaha memelihara warisan Jawi. Malah, maklum balas pelajar menunjukkan Jawi masih diperlukan oleh generasi muda (Aminuddin Saimon & Nur Hidayah Takmad, 2023). Perkara ini dapat dibukti dengan pelajar IPT menunjukkan penerimaan Jawi yang tinggi dengan purata min=4.509 (Muhammad Zakur Ashar & Aminuddin Saimon, 2025). Bahkan, soalan “saya berasa bangga bila mampu membaca dan menulis Jawi” memperoleh nilai min tertinggi 4.89 (Muhammad Zakur Ashar & Aminuddin Saimon, 2025). Hal ini menunjukkan pelajar di pengajian tinggi masih berminat untuk mengetahui sejarah dan perkembangan aksara Jawi dengan lebih lanjut seperti kesenian dan linguistik (Siti Badriyah Haji Mohamad Yusof & Exzayrani Sulaiman, 2015). Sebagai contoh, persepsi pelajar terhadap pendedahan Jawi di semua peringkat pendidikan di

Malaysia supaya pembelajaran Jawi lebih komprehensif adalah positif dengan 61% sangat bersetuju dan setuju dengan inisiatif ini (Noraziah Mohd Amin & Noor Azam Abdul Rahman, 2019). Walau bagaimanapun, terdapat 54% responden memilih untuk tidak bersetuju dan sangat tidak bersetuju jika Jawi dipelajari di IPT dan hanya 36% sahaja yang setuju (Noraziah Mohd Amin & Noor Azam Abdul Rahman, 2019). Terdapat juga kajian lain membuktikan bahawa sikap pelajar menunjukkan tidak ada keperluan pelajar untuk menguasai Jawi ketika di IPT kerana Pendidikan Islam diajar menggunakan tulisan Rumi dan Bahasa Melayu sebagai bahasa perantaraan (Nor Aziah Abd Kadir, Khalid Mat Pardi & Nurul Afzan Najid, 2015). Walau bagaimanapun, pelajar IPT masih mengalu-alukan pengajaran dan pembelajaran Jawi. Akan tetapi, kekangan dari segi platform yang terhad untuk mempelajarinya, pengetahuan dan kemahiran tentang Jawi tidak dapat dipertingkatkan.

4.3. Penglibatan pelajar terhadap Jawi

Pengetahuan dan sikap pelajar terhadap Jawi memainkan peranan penting dalam menentukan tahap penglibatan mereka sama ada dalam konteks pembelajaran formal mahupun aktiviti luar bilik darjah. Dalam kajian Nor Aziah Abd Kadir, Khalid Mat Pardi dan Nurul Afzan Najid (2015), seramai 95 % responden tidak setuju dengan penggunaan Jawi dalam kehidupan seharian. Faktornya adalah kerana kebanyakan bahan bacaan menggunakan tulisan Rumi dan pelajar tidak setuju jika menggunakan sedikit masa mereka untuk mencari bahan bacaan yang menggunakan tulisan Jawi. Bahkan, mata pelajaran Pendidikan Islam juga diajar menggunakan Bahasa Melayu. Begitu juga, rumusan kajian menunjukkan 85% responden menyatakan bahawa mereka tidak setuju kekerapan program dan aktiviti yang berkaitan dengan Jawi dijalankan di IPT. Perkara ini semakin merunsingkan apabila wujud tanggapan dalam kalangan pelajar IPT bahawa pengajaran dan pembelajaran Jawi hanya relevan ke peringkat sekolah sahaja. Pandangan sebegini menafikan hakikat bahawa Jawi merupakan sebahagian daripada warisan intelektual dan budaya bangsa yang menjadi simbol kepada ketamadunan Melayu-Islam. Walau bagaimanapun, hasil kajian Noraziah Mohd Amin, Noor Azam Abdul Rahman dan Wan Noorli Razali (2018) memperlihatkan sisi berbeza. Majoriti responden iaitu sebanyak 59.5% bersetuju jika IPT diberi ruang serta peluang untuk menyertai kelab dan badan persatuan yang menjurus kepada Jawi. Responden juga mengharapkan bahawa pihak kementerian perlu memiliki perancangan yang komprehensif untuk jangka masa lama bagi pengajaran dan pembelajaran Jawi dalam sistem pendidikan negara iaitu sebanyak 60.8 % bersetuju dengan pernyataan ini. Hal ini supaya fokus Jawi bukanlah terhad di peringkat sekolah semata-mata. Malah, kajian membuktikan bahawa 86% responden setuju bahawa Jawi perlu dipelihara dari semasa ke semasa, sebagai warisan Melayu-Islam. Bahkan, kedudukan antara Jawi perlu sejajar dengan tulisan Rumi dalam menzahirkan bahasa Melayu dan ini disetujui sebanyak 84 % responden. Dapatan ini selari dengan dapatan Aminuddin Saimon dan Nur Hidayah Takmad (2023) bahawa peratus terhadap “sangat setuju” lebih tinggi dengan 64%. Bahkan juga, 76% “sangat setuju” dengan pernyataan “sebagai orang Melayu, saya bangga memperkenalkan kepada rakan bukan Melayu saya bahawa Jawi adalah salah satu identiti bagi bangsa Melayu”.

Potensi penglibatan ini turut diperkukuh oleh perkembangan teknologi. Dapatan kajian Noraziah Mohd Amin et al. (2018) masih menunjukkan bahawa sekiranya diberi ruang dan pendekatan yang sesuai, pelajar IPT berpotensi untuk melibatkan diri secara positif terhadap Jawi, baik dalam konteks pembelajaran mahupun aktiviti di luar kelas. Dalam hal ini, kemajuan teknologi dapat dimanfaatkan sebagai pemangkin kepada semangat pembelajaran Jawi melalui penggunaan media elektronik sebagai medium interaktif dan dinamik. Malah, kajian menunjukkan bahawa 94 % responden bersetuju bahawa media elektronik mampu berfungsi sebagai medium perantaraan yang berkesan dalam memperkasakan pembelajaran Jawi dalam kalangan pelajar IPT.

Justeru itu, pelajar berpotensi tinggi untuk terlibat secara aktif apabila wujud struktur sokongan dan ruang penglibatan seperti kelab, program dan kursus Jawi di IPT. Selain itu, pendekatan pengajaran hendaklah bersifat relevan dan moden, khususnya melalui platform digital. Hal ini menunjukkan bahawa penglibatan bukanlah hasil spontan, tetapi refleksi langsung daripada pengetahuan, sikap dan peluang yang tersedia. Berdasarkan kajian Muhammad Zakur Ashar dan Aminuddin Saimon (2025), Aminuddin Saimon dan Nur Hidayah Takmad (2023), Noorain Syahirah Mohd Pazli dan Aminuddin Saimon (2022), Zurina Abdullah dan Adi Yasran Abdul Aziz (2020), Noraziah Mohd Amin dan Noor Azam Abdul Rahman (2019), Noraziah Mohd Amin, Noor Azam Abdul Rahman, Wan Noorli Razali dan Mohd Faisal Abdul Wahab (2018), Noraziah Mohd Amin, Noor Azam Abdul Rahman dan Wan Noorli Razali (2018), Nor Aziah Abd. Kadir, Khalid Mat Pardi dan Nurul Afzan Najid (2015), Siti Badriyah Haji Mohamad Yusof dan Exzayrani Sulaiman (2015) serta Faisal @ Ahmad Faisal dan Noralina Abdullah (2009), sudah terbukti bahawa penguasaan dan penggunaan Jawi dalam kalangan pelajar IPT kini masih berada pada tahap sederhana dan pelbagai dimensi perlu diambil kira. Walau bagaimanapun, tahun demi tahun pelajar mula menunjukkan sikap dan penglibatan yang positif terhadap penggunaan Jawi dalam kehidupan seharian. Bagi menjelaskan kedudukan Jawi dalam landskap kajian sedia ada di IPT, satu Jadual 1 disediakan bagi membandingkan dapatan utama.

Jadual 1: Kajian-kajian lepas tentang pengetahuan, sikap dan penglibatan Jawi di peringkat IPT

Pengkaji	Tahun	Fokus Kajian	Sampel kajian	Dapatan utama
Faisal @ Ahmad Faisal & Noralina Abdullah	2009	Pengetahuan sejarah Jawi Kemahiran menulis & membaca Jawi	Pelajar IPT	Hanya 15% memahami sejarah perkembangan Jawi 77.03% gagal sambung huruf; 67.78% gagal menyambung huruf Rumi kepada Jawi; 68.2% dapat memilih jawapan bagi soalan aneka pilihan berdasarkan teks Jawi
Nor Aziah Abd Kadir, Khalid Mat Pardi & Nurul Afzan Najid	2015	Sikap pelajar IPT terhadap Jawi Penglibatan pelajar	Pelajar IPT	Sikap pelajar menunjukkan tidak ada keperluan pelajar untuk menguasai Jawi ketika di IPT. 95 % tidak setuju dengan penggunaan Jawi dalam kehidupan seharian.
Siti Badriyah Haji Mohamad Yusof & Exzayrani Sulaiman	2015	Minat & sikap terhadap Jawi	Pelajar IPT	Pelajar berminat mendalami linguistik & seni Jawi 59.5% mahu sertai kelab Jawi; 60.8% mahu dasar khusus Jawi; 86% setuju bahawa Jawi perlu dipelihara dari semasa ke semasa; 84 % setuju kedudukan antara Jawi perlu sejajar dengan tulisan Rumi; 94 % bersetuju bahawa media elektronik mampu berfungsi sebagai medium perantaraan 60.8 % bersetuju pihak kementerian perlu memiliki perancangan untuk jangka masa lama bagi pengajaran dan pembelajaran Jawi dalam sistem pendidikan negara
Noraziah Mohd Amin, Noor Azam Abdul Rahman, Wan Noorli Razali & Mohd Faisal Abdul Wahab	2018	Penglibatan & keperluan Jawi di IPT	Pelajar IPT	
Noraziah Mohd Amin, Noor Azam Abdul Rahman dan Wan Noorli Razali	2018	Persepsi dan penglibatan pelajar terhadap Jawi	Pelajar IPT	59.5% bersetuju jika diberi ruang serta peluang untuk menyertai kelab dan badan persatuan Jawi 86% setuju bahawa Jawi perlu dipelihara dari semasa ke semasa 84 % setuju kedudukan antara Jawi perlu sejajar dengan tulisan Rumi 61% setuju Jawi perlu diajar di setiap peringkat pendidikan Malaysia
Noraziah Mohd Amin & Noor Azam Abdul Rahman	2019	Persepsi terhadap pengajaran Jawi	Pelajar IPT	54% responden memilih untuk tidak bersetuju dan sangat tidak bersetuju jika Jawi dipelajari di IPT
Zurina Abdullah & Adi Yasran Abdul Aziz	2020	Tahap kemahiran Jawi	Pelajar IPT	Kemahiran membaca & menulis pada tahap sederhana
Noorain Syahirah Mohd Pazli & Aminnudin Saimon	2022	Kemahiran membaca & menulis	Remaja–dewasa	Bacaan min=3.76; tulisan min=4.37
Aminnudin Saimon & Nur Hidayah Takmad	2023	Sikap pelajar IPT terhadap Jawi	Pelajar IPT	Sikap sangat positif dan mengiktiraf nilai warisan Jawi


		Penglibatan pelajar IPT terhadap Jawi	64% sangat setuju untuk menjadikan Jawi seiring dengan tulisan Rumi sebagai penggunaan Bahasa Melayu	
			76% sangat setuju untuk memperkenalkan Jawi kepada rakan bukan Melayu	
Muhammad Zakur Ashar & Aminnudin Saimon	2025	Penerimaan Jawi	Pelajar IPT	Min purata 4.509; rasa bangga membaca/menulis Jawi (min 4.89)

5.0. MODEL KAP (*Knowledge, Attitudes and Practices*)

Model KAP telah dibangunkan oleh Everett M. Rogers iaitu seorang sarjana dari Amerika Syarikat pada akhir tahun 1950-an dan awal 1960-an. Model KAP merupakan akronim kepada perkataan ‘*Knowledge-Attitude-Practice*’ iaitu merujuk kepada pengetahuan, sikap dan amalan manusia (Khadijah Muda et al., 2023; Nor Kalsum Mohd Isa, 2016; Mohd Hilmi Mahmud & Kamaliah Siarap, 2013). Asas utama model ini berpandukan kepada anggapan bahawa pengetahuan menjadi landasan kepada pembentukan sikap yang betul dan sikap pula bertindak sebagai pemangkin kepada perubahan amalan (Han P. F., Xu S. J., Dong B. L. & Li X. F., 2023; Liao, Nguyen, & Sasaki, 2022). Demikian, model ini telah digunakan secara meluas oleh pengkaji-pengkaji lepas untuk menjelaskan secara sistematik bagaimana pengetahuan itu mempengaruhi sikap, seterusnya, membentuk amalan individu (Zuraida Kamaruddin & Zaidi Isa, 2022; Papadopoli et al., 2020; Mahendra Adhi Nugroho, Dhyah Setyorini, & Budi Tiara Novitasari, 2019). Pada awalnya, model ini digunakan sebagai pendekatan untuk mengubah amalan buruk individu, khususnya dalam bidang kesihatan. Oleh kerana itu, Model KAP ini banyak digunakan dalam bidang perubatan (Alzghoul & Abdullah, 2015), namun, aplikasi model ini telah berkembang merentasi pelbagai disiplin sekitar abad ke-20 (Andrade et al., 2020), termasuk pendidikan (Kamaruzzaman Abd Manan, Zeti Ahmad, Siti Nor Amalina Ahmad Tajuddin & Ali Roslan, 2021), kesihatan (Alaofè et al., 2021), makanan (Meher et al., 2022), dan alam sekitar (Liao et al., 2022). Model KAP ini juga sering digunakan untuk mendapatkan input yang diperlukan untuk merangka program yang efektif serta mendapatkan data asas bagi menilai keberhasilan program dari semasa ke semasa (Andrade et al., 2020; Nyarubeli et al., 2020). Sebagai contoh, dalam konteks pembangunan lestari, model ini telah dimanfaatkan untuk menilai tahap kesedaran masyarakat terhadap isu-isu alam sekitar dan seterusnya merancang tindakan yang sesuai (Nor Kalsum Mohd Isa, 2016).

Model KAP turut mempunyai hubungan rapat dengan Teori Pembelajaran Bandura (1977) dan Teori Difusi Inovasi oleh Roger (1995). Menurut Roger (1995), anggota dalam sesuatu sistem sosial menerima sesuatu inovasi melalui empat peringkat dari semasa ke semasa, iaitu perolehan pengetahuan, pemujukan, keputusan dan pengesahan. Bandura (1977) pula menekankan bahawa tingkah laku individu dipelajari melalui konteks sosial Sementara itu, Teori Tingkah Laku Terancang (*Theory of Planned Behavior*) oleh Ajzen juga menyediakan kerangka dalam memahami adanya hubungan antara niat suatu tingkah laku dan juga bersikap terhadapnya (Ajzen, 1991).

Justeru itu, pengetahuan merupakan elemen teras kepada rangka model KAP (*knowledge, attitude and practices*) (Zuraida Kamaruddin & Zaidi Isa, 2022; Songlar et al., 2019). Pengetahuan ditakrifkan sebagai kebiasaan (*familiarity*), kesedaran (*awareness*) atau kefahaman (*understanding*) tentang sesuatu seperti fakta, maklumat, penerangan atau kemahiran (Boghossian, 2007). Pengetahuan juga merujuk kepada maklumat khusus yang diperlukan untuk membangun diri seseorang dan membina kemahiran sama ada dalam aktiviti seharian atau tugas (Mohd Azhar Abdul Hamid, 2004). Sikap pula adalah satu bentuk kecenderungan atau akibat yang terhasil bagi manusia untuk bertindak secara konsisten terhadap suatu objek atau situasi (Fishbein & Ajzen, 1975; Opatow & Clayton, 1994). Sehubungan dengan itu, sikap boleh didefinisikan satu bentuk penilaian positif atau negatif terhadap sesuatu objektif (Ajzen & Fishbein, 2000). Manakala, amalan ditafsirkan sebagai suatu penerapan peraturan atau pengetahuan yang membawa kepada hasilnya tindakan manusia (Badran, 1995; Chien-Yun et al., 2011a). Penyataan ini bahkan selari dengan pendapat Kaliyaperumal (2004) bahawa amalan menggambarkan cara seseorang menunjukkan pengetahuan mereka menerusi tindakan. Dalam dimensi pendidikan pula, proses pembelajaran mempunyai hubungan yang signifikan dan memberi sumbangan besar terhadap sikap golongan belia (Kamaruzzaman Abd Manan, Zeti Ahmad, Siti Nor Amalina Ahmad Tajuddin & Ali Roslan, 2021; Tiwari et al., 2019). Proses ini membentuk disiplin yang baik serta nilai-nilai kemanusiaan menerusi proses pembelajaran, bagi membentuk sikap yang positif. Bahkan, sikap positif ini mendorong kepada amalan yang positif (Kamaruzzaman Abd Manan, Zeti Ahmad, Siti Nor Amalina Ahmad Tajuddin & Ali Roslan, 2021). Rajah 1 menunjukkan amalan (*practice*, P) individu adalah cara seseorang itu menunjukkan pengetahuan (*knowledge*, K) dan sikap (*attitude*, A).



Sumber: Adaptasi pengkaji daripada Yuhang Zeng et al. (2019),

Namun, dalam konteks kajian ini, konstruk penglibatan (*involvement*) digunakan sebagai ganti kepada konstruk amalan. Amalan (*practices*) dan penglibatan (*involvement*) mempunyai hubungan yang signifikan di antara satu sama lain. Amalan merujuk kepada suatu penerapan peraturan atau pengetahuan yang membawa kepada hasilnya tindakan manusia (Badran, 1995; Chien-Yun et al., 2011b). Dalam hal ini, konsep “penglibatan” Astin (1984) yang menekankan penyertaan aktif individu dalam proses pembelajaran dengan memberi tumpuan kepada reaksi emosi, kognitif dan tingkah laku mereka terhadap aktiviti akademik (Burch et al., 2015; Gunuc, 2021). Dengan itu, jelas bahawa terdapat simbiosis antara amalan, penglibatan dan tingkah laku ini saling berkait rapat dalam satu simbiosis. Berdasarkan pada pengamatan penulis terhadap kajian “penglibatan” dan juga pada konsep yang dikemukakan oleh Astin, konstruk “penglibatan” ini merangkumi beberapa aspek iaitu penglibatan kognitif (*involvement cognitive*), penglibatan tingkah laku (*behavioral involvement*) dan penglibatan afektif (*affective involvement*) (Astin, 1984). Oleh hal demikian, pemilihan konstruk “penglibatan” adalah kerana konstruk ini dapat memenuhi jangkaan hasil kajian.

Merujuk kepada kajian-kajian lepas, terdapat beberapa pengkaji yang sudah menggunakan konstruk penglibatan dalam kajian mereka di samping konstruk pengetahuan dan konstruk sikap. Misalnya, kajian Adisa dan Anifowose (2019) bertajuk *Pengetahuan, sikap dan penglibatan ahli farmasi dalam penjagaan paliatif di hospital-hospital tertiar terpilih di barat daya Nigeria (Pharmacists' knowledge, attitude and involvement in palliative care in selected tertiary hospitals in southwestern Nigeria)* (Adisa & Anifowose, 2019). Kajian ini bertujuan untuk menilai pengetahuan, sikap dan penglibatan ahli farmasi serta faktor-faktor yang menghalang penyertaan ahli farmasi dalam penjagaan paliatif (PC). Hasil kajian menunjukkan terdapat hubungan di antara pengetahuan, sikap dan penglibatan kerana pengetahuan ahli farmasi tidak mencukupi tentang keperluan dalam penjagaan *palliative* telah mempengaruhi sikap negatif terhadapnya menyebabkan penglibatan ahli farmasi dalam perkhidmatan utama penjagaan *palliative* rendah. Kajian Sachdeva dan Gupta (2022) juga telah membuktikan wujudnya hubungan di antara ketiga-tiga konstruk kerana kajian ini dijalankan untuk menilai pengetahuan, sikap dan penglibatan bapa dalam pertama kali terhadap pemakanan dan penjagaan bayi serta kanak-kanak kecil. Kajian ini akhirnya menunjukkan pengetahuan bapa dalam pertama kali terhadap mengenai amalan pemakanan bayi dan kanak-kanak kecil adalah sederhana, namun sikap mereka terhadap aspek ini serta penglibatan bapa adalah baik.

Sehubungan dengan itu, kajian-kajian membuktikan bahawa model KAP ini sering digunakan dalam kajian yang bertujuan untuk menerangkan dan meramalkan perhubungan antara pengetahuan, sikap dan amalan seseorang (Zuraida Kamaruddin & Zaidi Isa, 2022; Papadopoli et al., 2020; Mahendra Adhi Nugroho, Dhyah Setyorini, & Budi Tiara Novitasari, 2019). Kendatipun begitu, tidak ada lagi mana-mana pengkaji yang membuat kajian ke atas pelajar IPT terhadap pengajaran dan pembelajaran Jawi, yang menggunakan model KAP sebagai sandaran terhadap hubungan pengetahuan, sikap dan amalan individu. Oleh hal demikian, wujudnya keperluan untuk meneroka model KAP dalam konteks pendidikan Jawi.

6.0. INTERRELASI ANTARA PENGETAHUAN, SIKAP, DAN PENGLIBATAN TERHADAP PEMBELAJARAN JAWI BERDASARKAN MODEL KAP

Pengetahuan, sikap dan penglibatan ini saling berhubungkait antara satu sama lain. Peningkatan pengetahuan pada seseorang akan mendorong kepada perubahan sikap sekaligus menyebabkan berlakunya perubahan amalan pada manusia (Raditya Ariwibowo, 2013; Nor Kalsum Mohd Isa, 2016; Kaliyaperumal, 2004; Sari & Ghaisani, 2020). Model KAP menganggap bahawa pengetahuan ini mendahului sikap dan kedua-dua, pengetahuan dan sikap akan meramal amalan individu (Nganwai et al., 2008). Perubahan dalam tingkah laku manusia juga melalui tiga proses berturut-turut iaitu pemerolehan pengetahuan, penjaan sikap dan pembentukan tingkah laku (Kim et al., 1969). Namun demikian, kajian ini menggunakan konstruk penglibatan (*involvement*) bagi menggantikan konstruk amalan dan kedua-dua konstruk ini saling berkaitan kerana kedua-dua merupakan satu bentuk tindakan individu berdasarkan kepada pengetahuan yang mereka miliki (Astin, 1984; Burch et al., 2015; Gunuc, 2021).

Oleh hal demikian, pengetahuan, sikap dan penglibatan individu menyumbang kepada pembelajaran Jawi. Pengetahuan dalam konteks pembelajaran Jawi merujuk kepada kefahaman asas tentang sistem Jawi, sejarahnya, unsur-unsur budaya dan pemikiran yang berkaitan. Menurut kajian, sewajarnya proses pengajaran dan pembelajaran Jawi tidak hanya terbatas pada ilmu ejaan dan tulisan Jawi sahaja, malah mencakupi Ilmu Tanggaman, Ilmu Jalan Bahasa Jawi, Ilmu Mengarang Jawi, Ilmu Balaghah Jawi dan Falsafah serta Sejarah Jawi (Muhammad Syukri Rosli & Ahnaf Wafi Alias, 2022; Muhammad Syukri Rosli, 2017).

Pengetahuan yang kukuh mengenai Jawi membantu pelajar memahami gaya bahasa Jawi, tafsiran teks Jawi serta nilai-nilai dan makna yang terkandung dalam teks tersebut. Pengetahuan tentang Jawi juga melibatkan kefahaman tatabahasa, kosa kata, dan konvensi penulisan dalam Jawi.

Berdasarkan model KAP, pengetahuan merupakan pemacu utama kepada pembentukan sikap. Peningkatan pengetahuan seseorang lazimnya membawa kepada perubahan sikap yang lebih positif terhadap objektif pembelajaran (Kassahun & Mekonen, 2017; Valente et al., 1998). Pengetahuan mewakili apa yang individu tahu berhubung dengan minat dan merupakan satu set kefahaman (Ritchie et al., 2019). Demikian, aspek pengetahuan memberi kesan secara langsung kepada sikap dan saling berkait antara satu sama lain (Haizul Azzuan Nordin, & Tajul Arifin Mohamad, 2021; Zhang et al., 2020). Hal ini kerana sikap adalah penilaian umum dan berterusan individu terhadap objek dan penilaian ini adalah multidimensi, yang kebiasaannya dibahagikan kepada dua aspek iaitu kognitif dan afektif (Eagly & Chaiken, 1993). Sikap kognitif merujuk kepada kepercayaan, nilai dan penilaian rasional tentang objek atau tindakan (seperti menilai kos dan faedah) (Chaiken & Baldwin, 1981; Crites Jr. et al., 1994), manakala sikap afektif merujuk kepada pengalaman emosi atau persepsi berasaskan emosi terhadap objek tersebut (Phipps et al., 2021). Emosi merangkumi perasaan dan perasaan merangkumi kedua-dua emosi iaitu emosi positif dan negatif. Apabila seseorang individu berasa baik, keadaan emosi adalah positif dan jika tidak, cenderung kepada negatif (Harmon-Jones & Harmon-Jones, 2021). Hal ini bertepatan dengan pelopor *Theory of Planned Behavior* (TPB) yang menyebut bahawa individu yang memiliki sikap dan tingkah laku positif cenderung mempunyai niat yang lebih kuat untuk bertindak (Ajzen, 1991).

Justeru, pengetahuan tentang Jawi memainkan peranan asas dalam membentuk sikap individu terhadap penggunaannya serta nilai dan fungsi Jawi dalam kehidupan. Kefahaman yang mendalam tentang sejarah, struktur linguistik dan peranan sosial Jawi bukan sahaja meningkatkan kesedaran, malah mengukuhkan apresiasi terhadap identiti dan warisan budaya Melayu-Islam. Pengetahuan ini seterusnya menjadi pemangkin kepada pembentukan sikap positif yang menyokong usaha pemeliharaan, pemartabatan dan pengamalan Jawi dalam kalangan generasi muda.


Oleh itu, “sikap” dalam pembelajaran Jawi merujuk kepada kecenderungan pelajar dalam menilai dan menghargai peranan Jawi dalam kehidupan mereka. Memiliki sikap yang positif adalah penting kerana ia mendorong pembelajaran yang lebih bermakna serta meningkatkan motivasi pelajar untuk terus menguasai kemahiran membaca, menulis dan memahami teks Jawi, sama ada Jawi tradisi mahupun bentuk baharu. Sikap positif ini turut memperkukuh usaha pemeliharaan dan pemeraksanaan Jawi sebagai warisan budaya dan bahasa, memandangkan sejarah perkembangan karya agung Jawi berkait rapat dengan proses pengislaman di Kepulauan Melayu (Awang Sariyan & Abdul Rasid Jamian, 2020). Setiap manuskrip Jawi yang dihasilkan mencerminkan tradisi keilmuan serta ketamadunan yang berlaku pada zaman penulisannya (Muhammad Saufi & Nor 'Asyikin Mat Hayin, 2021), sekali gus menjadikan penghargaan terhadap Jawi sebagai satu komponen penting dalam membentuk sikap pelajar terhadapnya.

Sikap seseorang terhadap pembelajaran Jawi memiliki pengaruh signifikan terhadap penglibatan mereka dalam mempelajari dan menggunakan Jawi. Sikap merujuk kepada sejauh mana pelajar yang memiliki sikap positif bermotivasi dalam penglibatan amalan (Ritchie et al., 2019). Begitu juga, sikap memiliki kecenderungan yang relatif bagi menentukan seseorang itu berkelakuan positif atau negatif terhadap seseorang, keadaan atau tanggapan sesuatu (Aiken, 2002). Oleh itu, apabila individu memiliki sikap positif, mereka lebih bermotivasi untuk melaksanakan sebuah tingkah laku dan memperoleh hasil yang lebih baik (Ajzen, 1991). Jelas mengetahui bahawa pengetahuan merupakan asas kepada pembentukan sikap dan tingkah laku seseorang (Flamm, 2006; Kaiser et al., 1999; Kaliyaperumal, 2004; Nugroho et al., 2021). Seperti dijelaskan pada hubungan di antara pengetahuan dan penglibatan, konstruk penglibatan ini berkait rapat dengan amalan dan juga tingkah laku individu. Tuntasnya, sikap positif terhadap pembelajaran Jawi dapat mempengaruhi penglibatan pelajar IPT dalam mempelajarinya. Adalah penting untuk memotivasi dan memberi inspirasi kepada pelajar IPT untuk mempunyai sikap positif terhadap Jawi, kerana sikap ini boleh menggalakkan penglibatan yang aktif dalam kalangan pelajar dan membuktikan pembelajaran Jawi ini berkesan kerana dapat memberi makna baru kepada pelajar. Dalam pada itu juga, kecenderungan positif mereka telah membuka ruang untuk menghasilkan pendekatan andragogi yang lebih responsif, khususnya melalui aktiviti ko-kurikulum dan pemeraksanaan kursus ilmu yang lebih komprehensif.

Penglibatan dalam pembelajaran Jawi merujuk kepada keterlibatan pelajar dalam menggunakan Jawi, sama ada dalam aktiviti akademik mahupun dalam kehidupan seharian di dalam atau di luar kampus. Penglibatan membantu mengukuhkan sikap positif terhadap Jawi kerana pengalaman secara praktikal dapat membantu pelajar melihat nilai sebenar bahasa dan budaya ini dalam kehidupan mereka. Pembelajaran dan penguasaan Jawi, khususnya Jawi tradisi berpotensi menyumbang kepada prospek-prospek kerjaya yang lebih luas. Antaranya termasuklah penkatalog naskhah Jawi, penjawi naskhah Rumi, perumi naskhah Jawi dan pengarang karya Jawi setelah berjaya menamatkan pengajian di IPT. Rentetan dari itu, pendedahan dan penglibatan pelajar IPT akan menyuntik semangat cinta akan ilmu Jawi tradisi dan berminat untuk melaksanakan kajian terhadap manuskrip-manuskrip Melayu lama dan juga kitab-kitab Jawi lama (Akademi Jawi Malaysia, 2022). Kemahiran dalam Jawi bukan sahaja menjadi nilai tambah dalam pasaran kerja, malah memberikan kelebihan kompetitif kepada pelajar, terutama dalam bidang penyelidikan dan pemeliharaan warisan keilmuan Melayu-Islam seperti pusat warisan. Pelajar yang memiliki kemahiran dan pengetahuan ini berpeluang menyertai bidang penyelidikan berkaitan manuskrip Melayu, naskhah-naskhah klasik dan kitab-kitab Jawi sama ada di peringkat pascasiswazah mahupun profesional. Hal ini turut diakui oleh kajian Siti Nurul Izza, Roziah Sidik dan Izziah Suryani

(2021), yang dirumuskan bahawa Jawi menunjukkan terdapatnya pembudayaan ilmu di Kepulauan Melayu dan sebagai bukti kearifan tempatan dalam pelbagai bidang.

Rajah 1.1 Hubungkait antara pengetahuan, sikap dan penglibatan pelajar IPT terhadap Jawi



Sumber: Olahan dan adaptasi penulis melalui kajian Yuhang Zeng et al. (2019)

Kesimpulannya, pengetahuan adalah asas yang diperlukan untuk penglibatan yang berkesan dalam kalangan pelajar IPT. Tanpa kefahaman Jawi yang kukuh, pelajar IPT mungkin menghadapi kesukaran untuk memahami teks Jawi terutama di dalam naskhah-naskhah Jawi yang lama. Penglibatan adalah penyertaan aktif individu dalam mengaplikasikan pengetahuan yang ada padanya. Penglibatan kognitif, tingkah laku dan afektif pelajar IPT memainkan peranan penting dalam membantu pelajar untuk menghayati dan melibatkan diri secara fizikal dengan pengetahuan yang mereka miliki terhadap apa-apa yang berkaitan dengan Jawi. Dengan penglibatan yang kerap dan aktif, pelajar IPT dapat mengukuhkan dan mendalami kefahaman mereka tentang Jawi. Tambahan pula, pelajar IPT berpotensi untuk memperkembangkan Jawi melalui program dan aktiviti di IPT. Usaha ini menyumbang kepada masyarakat sekeliling dengan memperbetulkan konsep Jawi sebagai suatu bahasa yang sarat dengan tradisi keilmuan. Dalam pada itu juga, penglibatan ini secara tidak langsung mendorong pelajar IPT untuk bergiat aktif dalam kajian manuskrip-manuskrip Jawi dan juga kitab-kitab Jawi. Justeru, pengetahuan dan penglibatan merupakan dua elemen penting yang saling melengkapi dalam pembelajaran Jawi. Secara gabungan, seseorang menjadi lebih memahami konteks budaya dan sejarah Melayu dengan menghargai sumbangan intelektual orang Melayu dalam pembentukan identiti dan warisan peradaban Melayu. Walaupun kajian-kajian terdahulu tidak mengukur ketiga-tiga konstruk pengetahuan, sikap dan penglibatan secara serentak, pola dapatan yang terasing ini tetap menunjukkan arah hubungan yang konsisten dengan struktur teori KAP. Oleh itu, sintesis naratif ini membolehkan hubungan interkonstruk dikenal pasti secara holistik.

7.0. KESIMPULAN DAN CADANGAN

Kajian ini menunjukkan bahawa interrelasi antara pengetahuan, sikap dan penglibatan pelajar IPT terhadap Jawi membentuk suatu rangkaian dinamik yang saling mempengaruhi. Dapatan kajian lepas memperlihatkan bahawa pengetahuan dari aspek kemahiran Jawi pelajar IPT berada pada tahap yang sederhana dan semakin baik. Namun, pengetahuan dari sudut kandungan Jawi sukar digambarkan kerana kekangan sumber. Hal ini kerana keterbatasan jumlah kajian empirikal secara mendalam, menjadikan literatur sedia ada lebih berat kepada kajian kemahiran teknikal berbanding kajian epistemik dan sejarah. Sikap pelajar IPT pula didapati positif, mencerminkan penghargaan terhadap nilai budaya dan identiti yang dalam Jawi. Bahkan, kajian turut mendapati bahawa pelajar IPT mempunyai kecenderungan positif terhadap usaha pemeliharaan Jawi. Kecenderungan ini secara tidak langsung mendorong kepada penglibatan aktif dalam aktiviti luar bilik darjah seperti program pembudayaan, penyertaan dalam kelab Jawi dan penghasilan bahan bertulis dalam Jawi. Namun begitu, kekangan struktur pembelajaran dan akses bahan menyebabkan penglibatan tidak berkembang sepenuhnya. Dengan bersandarkan pada model KAP, jelas menunjukkan terdapatnya hubungan yang signifikan antara pengetahuan, sikap dan penglibatan individu. Hal ini kerana pengetahuan terhadap Jawi membentuk sikap dan persepsi individu, yang seterusnya mendorong kepada penglibatan pelajar secara menyeluruh dan bersifat berterusan.

Dari sudut implikasi praktikal, kajian ini menegaskan keperluan untuk memperkasakan pendidikan Jawi di peringkat IPT secara lebih sistematik dan bersepadu. Kursus Jawi wajar ditawarkan secara lebih meluas sama ada dalam bentuk kursus elektif, kursus teras program, atau kursus wajib universiti. Memandangkan sekolah telah membina asas kemahiran asas, peringkat IPT seharusnya memperluas pengetahuan Jawi kepada aspek sejarah, kesusasteraan, paleografi, manuskrip, transliterasi, serta aplikasi digital Jawi yang lebih mendalam. IPT juga disarankan memperbanyakkan program wacana ilmiah, bengkel khat, transliterasi

manuskrip, pertandingan esei Jawi tradisi, serta pembangunan kelab Jawi yang aktif bagi membuka ruang penglibatan pelajar dalam ekosistem yang lebih kondusif dan progresif. Dari sudut kesimpulan konseptual, kajian ini menegaskan bahawa penelitian Jawi di IPT masih berada pada tahap awal, dan wujudnya kekurangan ketara dalam kajian empirikal yang menguji secara sistematik hubungan antara pengetahuan, sikap dan penglibatan. Kebanyakan kajian terdahulu bersifat deskriptif dan terhad kepada satu konstruk.

Research and Publication Ethics Statement

For the purpose of this study, data has been gathered with each respondent's prior consent to provide feedback. No names or other personally identifiable information is gathered, so no identities are disclosed in this paper. Based on the information gathered and the defined study objectives, an objective analysis has been made.

Contribution Rates of Authors to the Article

All authors contributed to the preparation of this paper.

Statement of Interest

The authors declare that they have no conflict of interest.

RUJUKAN

- Abdul Kadir Muhammad. (1996). *Sejarah penulisan hukum Islam di Malaysia*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Adi Yasran Abdul Aziz. (2012). Comparison of the Jawi writing system and vocabulary inscribed on the Terengganu stone and legal manuscripts of Melaka and Kedah. In *Batu Bersurat of Terengganu: Its correct date, religio-cultural, and scientific dimensions* (pp. 63–80). Department of National Heritage.
- Adisa, R., & Anifowose, A. T. (2019). Pharmacists' knowledge, attitude and involvement in palliative care in selected tertiary hospitals in southwestern Nigeria. *BMC Palliative Care*, 18(1), 1–13. <https://doi.org/10.1186/s12904-019-0492-8>
- Aiken, L. R. (2002). *Attitudes and related psychosocial constructs: Theories, assessment, and research*. SAGE Publications, Inc. <https://doi.org/10.4135/9781452233659>
- Ajzen, I. (1991). The theory of planned behavior. *Organizational Behavior and Human Decision Processes*, 50(2), 179–211. [https://doi.org/10.1016/0749-5978\(91\)90020-T](https://doi.org/10.1016/0749-5978(91)90020-T)
- Ajzen, I., & Fishbein, M. (2000). Attitudes and the attitude–behavior relation: Reasoned and automatic processes. In W. Stroebe & M. Hewstone (Eds.), *European review of social psychology*, 11(1), 1–33. John Wiley & Sons. <https://doi.org/10.1080/14792779943000116>
- Akademi Jawi Malaysia. (2022). *Bengkel kemahiran bahasa Jawi untuk kerjaya penerbitan dan kebudayaan* [Brochure]. Akademi Jawi Malaysia.
- Akta Bahasa Kebangsaan 1963/67, Akta 32. (1983).
- Alaofè, H., Hounkpatin, W. A., Djrolo, F., Ehiri, J., & Rosales, C. (2021). Knowledge, attitude, practice and associated factors among patients with type 2 diabetes in Cotonou, Southern Benin. *BMC Public Health*, 21(1), 1–11. <https://doi.org/10.1186/s12889-021-10289-8>
- Alzghoul, B. I., & Abdullah, N. A. C. (2015). Pain management practices by nurses: An application of the knowledge, attitude and practices (KAP) model. *Global Journal of Health Science*, 8(6), 154–160. <https://doi.org/10.5539/gjhs.v8n6p154>
- Aminnudin Saimon, & Nur Hidayah Takmad. (2023). Persepsi mahasiswa Kulliyyah Bahasa dan Pengurusan, UIAM terhadap tulisan Jawi. *LSP International Journal*, 10(1), 103–122. <https://doi.org/10.11113/lspi.v10.19673>
- Andrade, C., Menon, V., Ameen, S., & Kumar Praharaj, S. (2020). Designing and conducting knowledge, attitude, and practice surveys in psychiatry: Practical guidance. *Indian Journal of Psychological Medicine*, 42(5), 478–481. <https://doi.org/10.1177/0253717620946111>
- Astin, A. W. (1984). Student involvement: A developmental theory for higher education. *Journal of College Student Development*, 40(5), 518–529.
- Asyraf Ridwan Ali, & Berhanuddin Abdullah. (2015). Falsafah Pendidikan Jawi Dalam Memperkasakan Tamadun Islam Di Malaysia. *Proceedings of ICIC2015 – International Conference on Empowering Islamic Civilization in the 21st Century*, 574–85
- Awang Mohamad Amin. (1989). Tulisan Jawi ke arah penggunaan yang lebih meluas dan berkesan. *Jurnal Dewan Bahasa*, 33(12), 937–941.
- Awang Sariyan, & Abdul Rasid Jamian. (2020). Sumbangan manuskrip Melayu lama kepada peradaban bangsa. *Pendeta Journal of Malay Language, Education and Literature*, 11(2), 7–17. <https://doi.org/10.37134/pendeta.vol11.2.fa.2.2020>
- Azam Hamzah. (1997). *Islam di rantau Alam Melayu*. Fontariz Enterprise.
- Azman Che Mat, & Azhar Muhammad. (2012). Budaya berbahasa menurut perspektif Islam. *Jurnal Teknologi*, 53, 1–12. <https://doi.org/10.11113/jt.v53.110>

- Badran, I. G. (1995). Knowledge, attitude and practice: The three pillars of excellence and wisdom, a place in the medical profession. *Eastern Mediterranean Health Journal*, 1(1), 8–16.
- Bakka, E. (2020). Multi-track practices and linearisation: Safeguarding variability or authorised versions. *Musik & Tradisjon*, 34, 21. <https://doi.org/10.52145/mot.v34i.1921>
- Bandura, A. (1977). *Social learning theory*. Prentice-Hall.
- Baumeister, R. F., & Leary, M. R. (1997). Writing narrative literature reviews. *Review of General Psychology*, 1(3), 311–320. <https://doi.org/10.1037/1089-2680.1.3.311>
- Boghossian, P. (2007). *Fear of knowledge: Against relativism and constructivism*. Clarendon Press.
- Burch, G. F., Heller, N., Bruch, J., & Freed, R. (2015). Student engagement: Developing a conceptual framework and survey instrument. *Journal of Education for Business*, 90(4), 224–229. <http://dx.doi.org/10.1080/08832323.2015.1019821>
- Chaiken, S., & Baldwin, M. W. (1981). Affective–cognitive consistency and the effect of salient behavioral information on the self-perception of attitudes. *Journal of Personality and Social Psychology*, 41(1), 1–12. <https://doi.org/10.1037/0022-3514.41.1.1>
- Chien-Yun, D., Wan-Fei, C., Yu-Hsi, Y., & Chia-Hung, Y. (2011a). A study on modification of knowledge, attitude and practice on vocational high school electronics courses integrated with nanotechnology concept. *International Journal of Thermal and Environmental Engineering*, 4(1), 73–79. <https://doi.org/10.5383/ijtee.04.01.011>
- Chien-Yun, D., Wan-Fei, C., Yu-Hsi, Y., & Chia-Hung, Y. (2011b). A study on modification of knowledge, attitude and practice on vocational high school electronics courses integrated with nanotechnology concept. *International Journal of Thermal and Environmental Engineering*, 4(1), 73–79. <https://doi.org/10.5383/ijtee.04.01.011>
- Creswell, J. W. (2009). *Research design: Qualitative, quantitative, and mixed methods approaches* (3rd ed.). SAGE Publications, Inc.
- Creswell, J. W., & Creswell, J. D. (2018). *Research design: Qualitative, quantitative, and mixed methods approaches* (5th ed.). SAGE Publications, Inc.
- Crites, S. L., Jr., Fabrigar, L. R., & Petty, R. E. (1994). Measuring the affective and cognitive properties of attitudes: Conceptual and methodological issues. *Personality and Social Psychology Bulletin*, 20(6), 619–634. <https://doi.org/10.1177/0146167294206001>
- Eagly, A., & Chaiken, S. (1993). *The psychology of attitudes*. Harcourt Brace Jovanovich.
- Faisal @ Ahmad Faisal Abdul Hamid, & Niswa @ Noralina Abdullah. (2009). Penguasaan tulisan Jawi di kalangan mahasiswa pengajian Islam: Kajian di institut pengajian tinggi awam (IPTA) tempatan. *Jurnal Al-Tamaddun*, 4(1), 145–156. <https://doi.org/10.22452/jat.vol4no1.9>
- Fishbein, M., & Ajzen, I. (1975). *Belief, attitude, intention and behaviour: An introduction to theory and research*. Addison-Wesley.
- Flamm, B. J. (2006). *Environmental knowledge, environmental attitudes, and vehicle ownership and use* [Unpublished doctoral dissertation]. University of California, Berkeley.
- Fraenkel, J. R., & Wallen, N. E. (1993). *How to design and evaluate research in education* (2nd ed.). McGraw Hill
- Ghazali Darusalam, & Sufean Hussin. (2019). *Metodologi penyelidikan dalam pendidikan: Amalan dan analisis kajian*. Penerbit Universiti Malaya
- Goel, M. L. (1975). *Political participation in a developing nation: India*. Asia Publishing House.
- Gunuc, S. (2021). Testing campus-class-technology theory in student engagement: A large sample path analysis. *Journal of College Student Retention: Research, Theory & Practice*, 25(3), 1–17. <https://doi.org/10.1177/1521025121995939>
- Haizul Azzuan Nordin, & Tajul Arifin Mohamad. (2021). Hubungan antara pengetahuan dengan sikap keselamatan terhadap amalan keselamatan jurulatih utama pusat kokurikulum. *International Journal of Education and Pedagogy (IJEAP)*, 3(2), 27–36.
- Hamdan Abdul Rahman. (2014). *Panduan menulis dan mengeja Jawi*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Han P. F., Xu S. J., Dong B. L. & Li X. F. (2023). Application of grip circle grasping training based on knowledge, belief and action theory in patients with PICC catheterization for lung cancer. *Chinese Journal of Modern Nursing*, 29, 2592–2597.
- Harmon-Jones, E., & Harmon-Jones, C. (2021). On defining positive affect (PA): Considering attitudes toward emotions, measures of PA, and approach motivation. *Current Opinion in Behavioral Science*, 39, 46–51. <https://psycnet.apa.org/doi/10.1016/j.cobeha.2021.01.008>
- Hashim Musa, & Adi Yasran Abdul Aziz. (2009). Pemerkasaan kembali tulisan Jawi. *Jurnal ASWARA*, 4(1), 159–196.
- Imms, C., Adair, B., Keen, D., Ullenhag, A., Rosenbaum, P., & Granlund, M. (2016). “Participation”: A systematic review of language, definitions, and constructs used in intervention research with children with disabilities. *Developmental Medicine and Child Neurology*, 58(1), 29–38. <https://doi.org/10.1111/dmcn.12932>
- Ismail Abd. Rahman. (2009). *Manuskrip kesusasteraan tradisional Melayu sekitar tahun 1600 M: Telaah sistem tulisan Jawi dan analisis pemikiran Melayu Nusantara* [Master’s thesis]. Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Ismail Aziah. (2000). *Penguasaan tulisan Jawi di kalangan pelajar UPM* [Master’s thesis]. Universiti Putra Malaysia. <http://www.pasir.upm.edu.my/id/eprint/9915/>
- Jamriy, Z. A. (2016). *Strategi pengajaran pemulihan Jawi j-QAF di sekolah rendah Perak* [Master’s thesis]. Fakulti Sains Kemanusiaan.
- Kaiser, F. G., Ranney, M., Hartig, T., & Bowler, P. A. (1999). Ecological behavior, environmental attitude, and feelings of responsibility for the environment. *European Psychologist*, 4(2), 59–74. <https://doi.org/10.1027//1016-9040.4.2.59>
- Kaliyaperumal, K. (2004). Guideline for conducting a knowledge, attitude and practice (KAP) study. *AECS Illumination*, 4, 7–9.
- Kamaruzzaman Abdul Manan, Zeti Ahmad, Siti Nor Amalina Ahmad Tajuddin, & Ali Roslan. (2021). The role of learning in nurturing knowledge, attitude, and practice of toilet hygiene among youth in Malaysian university. *IIUM Journal of Human Sciences*, 3(2), 78–89. <https://doi.org/10.31436/ijohs.v3i2.199>

- Kang Kyoung Seok. (1986). *Perkembangan Jawi dalam masyarakat Melayu* [Master's thesis]. Universiti Malaya.
- Kang Kyoung Seok. (1991). Analisis gaya bahasa Melayu dan sistem tulisan Jawi berdasarkan beberapa manuskrip *Sejarah Melayu* [Doctoral dissertation]. Universiti Malaya.
- Kang Kyoung Seok, & Muhammad Syukri Rosli. (2015). *Pengantar ilmu Jawi*. Klasika Media.
- Kassahun, C. W., & Mekonen, A. G. (2017). Knowledge, attitude, practices and their associated factors towards diabetes mellitus among non diabetes community members of Bale Zone administrative towns, South East Ethiopia. A cross-sectional study. *PLoS ONE*, 12(2), 1–18. <https://doi.org/10.1371/journal.pone.0170040>
- Kementerian Pelajaran Malaysia. (2004). *Surat Pekeliling Iktisaf Bil. 13/2004: Pelaksanaan Program j-QAF di sekolah rendah*.
- Kementerian Pelajaran Malaysia. (2012). *Surat siaran Kementerian Pelajaran Malaysia bilangan 35 tahun 2012: Peluasan Program j-QAF semua sekolah rendah tahun 2013*.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2015). *Panduan pengurusan mata pelajaran Pendidikan Islam sekolah rendah dan sekolah menengah*. Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2016). *Buku penerangan Kurikulum Standard Sekolah Rendah (Semakan 2017)*. Bahagian Pembangunan Kurikulum.
- Khairul Azhar. (2019). Peranan ulama dalam penyebaran ajaran Islam di Pulau Besar, Melaka (The role of Muslim scholars in spreading the teaching of Islam in Pulau Besar, Melaka). *Jurnal Al-Tamaddun*, 14(2), 65–74. <https://doi.org/10.22452/jat.vol14no2.6>
- Khadijah Muda, Siti Nor Azhani Mohd Tohar, Khairul Anwar @ Johari Mastor, Nazri Muslim, Fazilah Idris, & Siti Nor Baya Yacob. (2023). Pembangunan dan pengesahan instrumen pengetahuan, sikap dan penghayatan terhadap unsur tradisi dalam Perlembagaan Persekutuan. *Pertanika Journal of Social Sciences and Humanities*, 31(1), 183–202. <https://doi.org/10.47836/pjssh.31.1.10>
- Kim, T. R., Ross, A., Smith, J. D., & colleagues. (1969). Korea: Trends in four national KAP surveys 1964–67. *Studies in Family Planning*, 1(43), 6–11.
- Liao, X., Nguyen, T. P. L., & Sasaki, N. (2022). Use of the knowledge, attitude, and practice (KAP) model to examine sustainable agriculture in Thailand. *Regional Sustainability*, 3(1), 41–52. <https://doi.org/10.1016/j.regsus.2022.03.005>
- Loewen, S., & Sato, M. (2017). Instructed second language acquisition (ISLA): An overview. In *The Routledge handbook of instructed second language acquisition* (pp. 1–12). Routledge.
- Mahayudin Yahaya. (1995). Sejarah perkembangan pemikiran Islam dalam konteks Alam Melayu: Iktibar untuk abad akan datang. *Jurnal Usuluddin*, 1(6), 65–81. <http://mjs.um.edu.my/index.php/JUD/article/download/2911/1076>
- Mahayudin Yahaya. (1998). *Islam di Alam Melayu*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mahayudin Yahaya. (2017). *Teori kedatangan Islam dan penyebaran mazhab Shafi'i*. UNISSA Press.
- Mahendra Adhi Nugroho, Dhyah Setyorini, & Budi Tiara Novitasari. (2019). The role of satisfaction on perceived value and e-learning usage continuity relationship. *Procedia Computer Science*, 161, 82–89. <https://doi.org/10.1016/j.procs.2019.11.102>
- Makmur Haji Harun, Muhammad Bukhari Lubi, & Mohamad Ramadhan Habibi. (2012). Kaedah pengajaran seni khat dan Jawi di universiti: Sistem pengajaran khat Nasakh dalam Unit Kajian Jawi dan Khat di Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI). In *Persidangan Kebangsaan Tulisan Jawi Kali Kedua: "Mencari Identiti Khat Melayu"* (pp. 1–13). <https://doi.org/10.13140/RG.2.1.2306.7603>
- Meher, M. M., Afrin, M., Talukder, A. K., & Haider, M. G. (2022). Knowledge, attitudes and practices (KAP) of street food vendors on food safety in selected areas of Bangladesh. *Heliyon*, 8(12), e12166. <https://doi.org/10.1016/j.heliyon.2022.e12166>
- Merriam, S. B. (2009). *Qualitative research: A guide to design and implementation* (2nd ed.). Jossey-Bass.
- Mohd Aizam Mas'od, & Mohd Shairawi Mohd Noor. (2023). Teori kedatangan golongan "Alawiyyin di Nusantara: Suatu analisis awal. *Journal of Ifta and Islamic Heritage*, 2(2), 60–84.
- Mohd Alwee Yusoff. (2005). Perkembangan tulisan Jawi dan aplikasinya dalam masyarakat Islam di Malaysia. *Jurnal Usuluddin*, 21, 23–38.
- Mohd Azhar Abdul Hamid. (2004). *Andragogi: Mengajar orang dewasa*. PTS Publication and Distributors Sdn. Bhd.
- Mohd Hilmi Mahmud, & Kamaliah Siarap. (2013). Kempen pencegahan H1N1: Kajian tentang pengetahuan, sikap dan amalan penduduk di Timur Laut Pulau Pinang. *Jurnal Komunikasi*, 29(1), 127–140. http://journalarticle.ukm.my/6425/1/V29_1_127-140.pdf
- Mohd Mazhan Tamyis, Zahari Suppian, & Nor Hasnida Che Md. Ghazali. (2021). Bidang Jawi dalam kurikulum pendidikan Islam sekolah rendah: Satu analisis literatur. *Jurnal Pendidikan Bitara UPSI*, 14(2), 48–64. <https://doi.org/10.37134/bitara.vol14.2.5.2021>
- Mohd Zawawi Zainal Abidin, & Norahida Mohamed. (2024). Tulisan Jawi di Negeri Pahang: Cabaran dan harapan. *Jurnal Al-Haady*, 5(1), 10–17.
- Moore, D. (2020). Practices. In D. Moore (Ed.), *Letters to a new developer: What I wish I had known when starting my development career* (pp. 77–103). Apress. https://doi.org/10.1007/978-1-4842-6074-6_5
- Mulaika Hijjas. (2022). Malay–Indonesian Islamic studies: A Festschrift in honor of Peter G. Riddell. In M. Daneshgar, E. Nurtawab, & P. G. Riddell (Eds.), *Malay–Indonesian Islamic studies: A Festschrift in honor of Peter G. Riddell* (pp. 269–294). Brill.
- Muhammad Saufi & Nor 'Asyikin Mat Hayin. (2021, Januari 24). Khazanah Kita Di Bumi Asing. *Harian Metro*. <https://www.hmetro.com.my/utama/2021/01/667469/khazanah-kita-di-bumi-asing>

- Muhammad Syukri Rosli. (2017). *Petuturan Melayu: Kitab Nahu Jawi Abdu'llah bin Abdu'r-Rahman*. Akademi Jawi Malaysia.
- Muhammad Syukri Rosli, & Ahnaf Wafi Alias. (2022). *Tradisi Keilmuan Bahasa Jawi*. Akademi Jawi Malaysia
- Muhammad Zakur Ashar dan Aminuddin Saimon (2025), Analisis tahap dan faktor penerimaan tulisan Jawi dalam kalangan pelajar UIAM, kampus Pagoh. *PENDETA*, 16(1), 161-180. <https://doi.org/10.37134/pendeta.vol16.1.14.2025>
- Nadia Fitriyana Ahmad Narzaray, & Ahmad Kamal Ariffin Mohd Rus. (2024). Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah (KBSM): Satu Penilaian Sejarah. *E-Bangi Journal of Social Science and Humanities*, 21(1). <https://doi.org/10.17576/ebangi.2024.2101.18>
- Nganwai, P., Truadpon, P., Inpa, C., Sangpetngam, B., Mekjarasnapa, M., Apirakarn, M., & Chumworathayi, B. (2008). Knowledge, attitudes and practices vis-à-vis cervical cancer among registered nurses at the Faculty of Medicine, Khon Kaen University, Thailand. *Asian Pacific Journal of Cancer Prevention*, 9(1), 15–18.
- Nik Rosila Nik Yaacob. (2007). Penguasaan Jawi dan hubungannya dengan minat. *Pendidik dan Pendidikan*, 22, 161–172.
- Noraishah A. Rahman, & Mohd Isa Hamzah. (2021). Konsep intervensi dalam pengajaran dan pembelajaran Jawi murid prasekolah. In *International Conference on Syariah & Law 2021 (ICONSYAL 2021) – Online Conference* (pp. 334–345). <https://conference.uis.edu.my/iconsyal/images/eprosiding/1029.pdf>
- Nor Aziah Abd. Kadir, Khalid Mat Pardi, & Nurul Afzan Najid. (2015). Kelestarian dan pelestarian tulisan Jawi dalam kalangan mahasiswa. In *KONAKA: Konferensi Akademik 2015* (pp. 1–6). <https://ir.uitm.edu.my/id/eprint/67921/>
- Noorain Syahirah Mohd Pazli & Aminuddin Saimon. (2022). Tahap penguasaan tulisan Jawi: Tinjauan terhadap golongan muda, pertengahan dan warga emas. *International Young Scholars Journal of Languages*, 5(1), 128-137. <https://kulliyyah.iium.edu.my/klm/wp-content/uploads/sites/14/2022/09/IYSJL-Tahap-Penguasaan-Tulisan-Jawi-Tinjauan-Terhadap-Golongan-Muda-Pertengahan-dan-Warga-Emas.pdf>
- Noraishah A. Rahman, & Mohd Isa Hamzah. (2021). Konsep Intervensi dalam Pengajaran dan Pembelajaran Jawi Murid Pra Sekolah. *International Conference On Syariah & Law 2021(ICONSYAL 2021)-Online Conference*, 334–345. <https://conference.uis.edu.my/iconsyal/images/eprosiding/1029.pdf>
- Noraziah Mohd Amin, & Noor Azam Abdul Rahman. (2019). The perceptions of Malay students at UNITEN on the efforts to extend Jawi learning at various levels of education in Malaysia. *Sains Insani*, 4(1), 7–14. <https://doi.org/10.33102/jsi2019.4.1.02>
- Noraziah Mohd Amin, Noor Azam Abdul Rahman, Wan Noorli Razali, & Mohd Faisal Abdul Wahab. (2018). Pemeliharaan tulisan Jawi dan penggunaan tulisan Jawi di media: Kajian persepsi pelajar Melayu di UNITEN. *Sains Insani*, 3(2), 1–7. <https://doi.org/10.33102/sainsinsani.vol3no2.54>
- Noraziah Mohd Amin, Noor Azam Abdul Rahman & Wan Noorli Razali. (2018). The perception of UiTM students towards teaching and learning of Jawi at various levels of education in Malaysia. *UPALS Language Colloquium Proceedings*, 1–9.
- Norhazliana Mohd Hassan Abdullah, Saedah Siraj, Zaharah Hussin, & Norlidah Alias. (2010). Isu kritikal penggunaan tulisan Jawi dalam pelaksanaan kurikulum Pendidikan Islam peringkat sekolah menengah: Pandangan pakar. *Jurnal Pendidikan*, 30, 63–84.
- Nor Kalsum Mohd Isa. (2016). Pengetahuan, sikap dan tingkah laku pelajar UPSI terhadap prinsip-prinsip Kampus Lestari. *Jurnal Perspektif*, 8(1), 29–41.
- Mahendra Adhi Nugroho, Dhyah Setyorini, & Budi Tiara Novitasari. (2019). The role of satisfaction on perceived value and e-learning usage continuity relationship. *Procedia Computer Science*, 161, 82–89. <https://doi.org/10.1016/j.procs.2019.11.102>
- Nugroho, R. F., Hindaryani, N., & Saputri, K. (2021). Pengaruh edukasi gizi seimbang terhadap pengetahuan gizi pada lansia di Desa Botoputih, Kecamatan Tikung Kabupaten Lamongan, Jawa Timur. In *Seminar Nasional Pengabdian Kepada Masyarakat 2021: Perguruan Tinggi Mengabdikan Menuju Desa Mandiri* (pp. 108–109). <https://conferences.unusa.ac.id/index.php/snpm/article/download/783/369/1353>
- Nur Syazwani Abdul Talib, Kamarulzaman Abdul Ghani, & Nur Azuki Yusuff. (2016). Tahap pengetahuan dan sikap graduan IPT serta hubungannya dengan minat terhadap sejarah: Usaha awal memupuk semangat cinta negara. *Jurnal Pemikiran Pendidikan* (2016), 7, 57–72. <https://www.researchgate.net/publication/313345041>
- Nyarubeli, I. P., Tungu, A. M., Brätveit, M., & Moen, B. E. (2020). Occupational noise exposure and hearing loss: A study of knowledge, attitude and practice among Tanzanian iron and steel workers. *Archives of Environmental and Occupational Health*, 75(4), 216–225. <https://doi.org/10.1080/19338244.2019.1607816>
- Opotow, S., & Clayton, S. (1994). Green justice: Conceptions of fairness and the natural world. *Journal of Social Issues*, 50(3), 1–11. <https://doi.org/10.1111/j.1540-4560.1994.tb02416.x>
- Papadopoli, R., Nobile, C. G. A., Trovato, A., Pileggi, C., & Pavia, M. (2020). Chemical risk and safety awareness, perception, and practices among research laboratories workers in Italy. *Journal of Occupational Medicine and Toxicology*, 15(1), 17. <https://doi.org/10.1186/s12995-020-00268-x>
- Patton, M. Q. (1990). *Qualitative evaluation and research methods* (2nd ed.). SAGE Publications, Inc.
- Perlembagaan Persekutuan (Cetakan semula)*. (2020). Pesuruhjaya Penyemak Undang-Undang.
- Phipps, D. J., Hannan, T. E., Rhodes, R. E., & Hamilton, K. (2021). A dual-process model of affective and instrumental attitudes in predicting physical activity. *Psychology of Sport and Exercise*, 54, 101899. <https://doi.org/10.1016/j.psychsport.2021.101899>
- Raditya Ariwibowo. (2013). Hubungan antara umur, tingkat pendidikan, pengetahuan, sikap terhadap praktik safety riding awareness pada pengendara ojek sepeda motor di kecamatan banyumanik. *Jurnal Kesehatan Masyarakat* 2013, 2(1), 4–7.

- <https://media.neliti.com/media/publications/18819-ID-hubungan-antara-umur-tingkat-pendidikan-pengetahuan-sikap-terhadap-praktik-safet.pdf>
- Rahman, A. E., Perkins, J., Islam, S., Siddique, A. B., Moinuddin, M., Anwar, M. R., Mazumder, T., Ansar, A., Rahman, M. M., Raihana, S., Capello, C., Santarelli, C., El Arifeen, S., & Hoque, D. M. E. (2018). Knowledge and involvement of husbands in maternal and newborn health in rural Bangladesh. *BMC Pregnancy and Childbirth*, 18(1), 1–12. <https://doi.org/10.1186/s12884-018-1882-2>
- Raihanah Azahari. (2004). Kaedah menyelesaikan pertikaian keluarga dalam masyarakat Melayu: Zaman pra dan pasca kolonial. *Jurnal Syariah*, 12(1), 125–150. <http://myais.fsktm.um.edu.my/7653/>
- R Habibah @ Artini Ramlie, Norshahrul Marzuki Mohd Nor, Abang Mohd. Razif Abang Muis, Irma Wani Othman, Romzi Ationg, Muhammad Safuan Yusoff, & Mohamad Basri Jamal. (2021). The issue of the introduction of Jawi script and khat in Sekolah Jenis Kebangsaan (SJK) from undergraduates' perception. *International Journal of Education, Psychology and Counseling*, 6(39), 235–255. <https://doi.org/10.35631/ijepc.6390016>
- Ritchie, K. C., Snelgrove-Clarke, E., & Murphy, A. L. (2019). The 23-item Evidence Based Practice-Knowledge Attitudes and Practices (23-item EBP-KAP) survey: Initial validation among health professional students. *Health Professions Education*, 5(2), 152–162. <https://doi.org/10.1016/j.hpe.2018.09.004>
- Rogers, E. M. (1995). Diffusion of innovations: Modifications of a model for telecommunications. In M.-W. Stoetzer & A. Mahler (Eds.), *Die Diffusion von Innovationen in der Telekommunikation* (pp. 25–38). Springer. https://doi.org/10.1007/978-3-642-79868-9_2
- Rosli, M. S., & Rosdin, M. A. A. (2023). *Hamzah dalam tradisi keilmuan bahasa Jawi*. Akademi Jawi Malaysia Sdn. Bhd.
- Sachdeva, S., & Gupta, S. (2022). Knowledge, attitude and involvement of first-time fathers in infant and young child feeding and care practices. *Current Research in Nutrition and Food Science*, 10(3), 959–970. <https://doi.org/10.12944/CRNFSJ.10.3.13>
- Sakri Yusoff. (2012). *Sikap dan minat pelajar kelas kemahiran membaca dan menghafaz al-Quran di negeri Perak* [Master's thesis]. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Sari, M., & Ghaisani, M. E. (2020). Knowledge, attitude, practice (KAP) doktor gigi pada pemilihan dan pemakaian resin komposit di Surakarta dan Sukoharjo. *Jurnal Ilmu Kedokteran Gigi (JIKG)*, 3(1), 20–28.
- Sariah Abd. Jalil. (2015). *DSKP KSSR Pendidikan Islam Tahun 1*. Bahagian Pembangunan Kurikulum, Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Sariah Abd. Jalil. (2016a). *DSKP KSSM Pendidikan Islam Tingkatan 1*. Bahagian Pembangunan Kurikulum, Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Sariah Abd. Jalil. (2016b). *DSKP KSSM Pendidikan Islam Tingkatan 2*. Bahagian Pembangunan Kurikulum, Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Sariah Abd. Jalil. (2017). *DSKP KSSM Pendidikan Islam Tingkatan 3*. Bahagian Pembangunan Kurikulum, Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Sariah Abd. Jalil. (2018). *DSKP KSSM Pendidikan Islam Tingkatan 4 dan 5*. Bahagian Pembangunan Kurikulum, Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Siti Badriyah Haji Mohamad Yusof, & Exzayrani Sulaiman. (2015). Sikap generasi muda terhadap tulisan Jawi: Kajian kes pelajar Universiti Brunei Darussalam. *Southeast Asia: A Multidisciplinary Journal*, 15, 8–16.
- Siti Nurul Izza Hashim, Roziah Sidik @ Mat Sidek, & Izziah Suryani Mat Resad @ Arshad. (2021). Tulisan Jawi pelopor keilmuan di Alam Melayu: Satu kajian awal. *MANU Jurnal Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa (PPIB)*, 32(2), 19–34. <https://doi.org/10.51200/manu.vi.3578>
- Songlar, T., Pussadee La-or, N. P., Chomchoe, C., & Khunthason, S. (2019). Knowledge, attitude and practice (KAP) of earthquake preparedness amongst the elderly in risk areas: Chiang Rai, Thailand. *Journal of Health Research*, 33(1), 2–13. <https://doi.org/10.1108/JHR-12-2018-0167>
- Syed Muhammad Naquib al-Attas. (1970). *The correct date of the Terengganu inscription*. Museums Department.
- Syed Muhammad Naquib al-Attas. (1972). *Islam dalam sejarah dan kebudayaan Melayu*. ABIM.
- Tengku Sarina Aini Tengku Kasim & Fatima Sahida Abdurajak. (2018). Pengalaman Pengajaran Guru Novis Pendidikan Islam: Implikasi terhadap Reka Bentuk Kurikulum Latihan Pendidikan Guru (Islamic Education Novice Teachers' Teaching Experiences: Implications towards Teacher Training Curriculum Design). *Jurnal Pendidikan Malaysia*, 43(01), 59–66. <https://doi.org/10.17576/jpen-2018-43.01-08>
- Tesch, R. (1990). *Qualitative research: Analysis types and software*. Routledge. <https://doi.org/10.4324/9781315067339>
- Tiwari, B. S., Ankola, A. V., Jalihal, S., Patil, P., Sankeshwari, R. M., & Kashyap, B. R. (2019). Effectiveness of different oral health education interventions in visually impaired school children. *Special Care in Dentistry*, 39(2), 97–107. <https://doi.org/10.1111/scd.12356>
- Tosun, C. (2000). Limits to community participation in the tourism development process in developing countries. *Tourism Management*, 21(6), 613–633. [https://doi.org/10.1016/S0261-5177\(00\)00009-1](https://doi.org/10.1016/S0261-5177(00)00009-1)
- Tranfield, D., Denyer, D., & Smart, P. (2003). Towards a methodology for developing evidence-informed management knowledge by means of systematic review. *British Journal of Management*, 14(3), 207–222. <https://doi.org/10.1111/1467-8551.00375>

- Hazwani Ubaidillah, Nor Khayati Basir, & Nur Afifah Saharudin. (2020). Tahap sikap dan minat terhadap pembelajaran berasaskan projek (program ilmiah) di politeknik. In *International Conference on Education, Islamic Studies and Social Science Research* (pp. 757–766).
- Universiti Kebangsaan Malaysia. (2024). *Panduan siswazah sesi akademik 2024/2025*. Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Universiti Sains Malaysia. (2025). *Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan (School of Humanities): Kod bidang*. <https://humanities.usm.my/>
- Valente, T. W., Paredes, P., & Poppe, P. R. (1998). Matching the message to the process: The relative ordering of knowledge, attitudes, and practices in behavior change research. *Human Communication Research*, 24(3), 366–385. <https://doi.org/10.1111/j.1468-2958.1998.tb00421.x>
- Wood, W., & Rünger, D. (2016). Psychology of habit. *Annual Review of Psychology*, 67, 289–314. <https://doi.org/10.1146/annurev-psych-122414-033417>
- Zhang, M., Zhou, M., Tang, F., Wang, Y., Nie, H., Zhang, L., & You, G. (2020). Knowledge, attitude and practice regarding COVID-19 among healthcare workers in Henan, China. *Journal of Hospital Infection*, 105(2), 183–187. <https://doi.org/10.1016/j.jhin.2020.04.012>
- Zulcaffle, T. M. A. (2007). *Development of an automated technique for reconstructing Jawi characters in historical documents* [Master's thesis]. Universiti Putra Malaysia.
- Zuraida Kamaruddin, & Zaidi Isa. (2022). Faktor-faktor yang mempengaruhi keberkesanan pelaksanaan pengurusan risiko makmal dan bengkel. *Journal of Quality Measurement and Analysis (JQMA)*, 18(3), 131–155. <https://journalarticle.ukm.my/20972/1/QT%2010.pdf>
- Zurina Abdullah, & Adi Yasran Abdul Aziz. (2020). Penilaian semula ciri bahasa Melayu klasik berdasarkan perbandingan inskripsi. *E-Jurnal Bahasa dan Linguistik (e-JBL)*, 2(2), 18–33. <https://doi.org/10.53840/ejbl.v2i2.47>
- Zurina Abdullah, & Adi Yasran Abdul Aziz. (2020). Peminggiran tulisan Jawi sebagai lambang jati diri Melayu: Satu kajian tinjauan. *Jurnal Sultan Alauddin Sulaiman Shah*, 7(2), 244–255. <https://jsass.uis.edu.my/index.php/jsass/article/view/152>